

"SIFAT malu adalah sebahagian daripada keimanan dan iman itu tempatnya di dalam syurga. Perkataan yang keji itu berasal daripada watak dan perangai yang keras, sedangkan kekerasan itu tempatnya di dalam neraka". (Hadis Riwayat Imam Termizi)

USAHA MEMBINA SEMULA KEPERCAYAAN, KEYAKINAN ANTARA NEGARA PERLU DIPERKUKUH

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri
Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

NEW YORK, AMERIKA SYARIKAT, Sabtu, 26 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam (NBD), dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam, berangkat menghadiri hari kelima Perdebatan Umum Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sesi Ke-81 di Ibu Pejabat PBB di New York, Amerika Syarikat.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen telah mengurniakan sabda Kenyataan Kebangsaan NBD di Perdebatan Umum.

Duli Yang Teramat Mulia

memulakan sabda dengan menyampaikan salam Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kepada Perhimpunan Agung.

DYTM juga bersabda mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Dr. Khalilur Rahman atas pelantikan sebagai Presiden Perhimpunan Agung PBB Sesi Ke-81, merakamkan penghargaan kepada Puan Yang Terutama Annalena Baerbock atas kepimpinan sebagai Presiden Perhimpunan Agung PBB Sesi Ke-80, dan kepada Setiausaha Agung PBB, Tuan Yang Terutama António Guterres, atas khidmat kepada



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam (NBD) berkenan mengurniakan sabda Kenyataan Kebangsaan NBD di Perdebatan Umum.

pertubuhan berkenaan.

DYTM seterusnya bersabda menyentuh mengenai tema pada sesi kali ini, iaitu 'Restoring Trust, Managing Transformation : A United

Nations that Delivers for All', dan menekankan kepentingan untuk membina semula kepercayaan dan keyakinan antara negara.

>> Muka 3

Majlis Bertahlil sempena Hari Perkhidmatan Awam ke-33

Oleh : Khartini Hamir

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 September. - Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-33, Jabatan Perdana Menteri petang tadi mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Majlis tersebut adalah khusus bagi paduka ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

>> Muka 4

Sembahyang Sunat Hajat doakan kelancaran, kejayaan pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

TUTONG, Ahad, 27 September. - Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) pagi tadi mengadakan Majlis Sembahyang Sunat Hajat khusus bagi para pelajar yang mengikuti kelas tuisyen di bawah Program Intervensi Pendidikan (PIP) YSHHB bagi seluruh negara.

Majlis berkenaan diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai, sebagai usaha mendoakan kelancaran dan kejayaan para pelajar yang bakal menduduki peperiksaan awam pada tahun ini.

Seramai 264 pelajar yang mengikuti projek kelas tuisyen PIP di lapan buah pusat di seluruh negara akan menduduki peperiksaan awam tahun ini.

>> Muka 4

Projek Penanaman Padi Hibrid perkukuh usaha pemulihan penghuni penjara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi
Pg. Haji Ahmad

TUTONG, Sabtu, 26 September. - Jabatan Penjara melalui Bahagian Pemulihan dan Reintegrasi Penjara hari ini melakar satu lagi langkah penting dalam memperkukuh usaha pemulihan penghuni menerusi pelancaran Projek Penanaman Padi Hibrid di Penjara Maraburong.

Inisiatif berkenaan menyediakan platform pembangunan kemahiran dan pengalaman praktikal kepada penghuni, di samping menyokong aspirasi Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam memperkukuh keterjaminan makanan serta pembangunan modal insan yang berdaya tahan dan produktif.

>> Muka 6

Berita Utama



NBD perkukuh kerjasama tangani ekonomi global

Muka 5



MEMPERKUKUHKAN ukhuwah, menyebarluaskan dakwah secara berhikmah

Muka 8



49 terima Anugerah Dean's List 2026

Muka 10



SAYANGI jantung, hidup secara aktif

Muka 20



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah sempena Majlis Kemuncak Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-36, Tahun 2026 pada Rabu, 23 September 2026 di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen Wabihiee
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya
Waddeen, Wassalatu Wassalaamu 'Ala
Asyrafil Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Waalaa Aalihee
Wasahbiee Ajma'een, Waba'du.

SEGALA puji dan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat-Nya mengizinkan kita dapat

bersama-sama meraikan Majlis Sambutan Hari Guru Kali Ke-36 dalam suasana aman dan sejahtera.

Majlis pada hari ini bukan sekadar memperingati sambutan Hari Guru, malah juga untuk menzahirkan penghargaan dan pengiktirafan kita terhadap jasa, pengorbanan dan dedikasi para guru yang sentiasa cekal dalam mendidik, membimbing dan membentuk modal insan yang berpendidikan.

Tema Hari Guru pada tahun ini: "Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi",

Guru terus menjadi pemangkin pendidikan lestari dan inovasi

iaitu sebagai mengiktiraf pentingnya sumbangan guru ke arah memperkukuh sistem pendidikan yang berkualiti, lestari dan relevan, demi melahirkan generasi kreatif serta berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan zaman.

Landskap pendidikan secara global, telah membawa pelbagai cabaran baharu untuk dihadapi oleh para pendidik. Kajian antarabangsa telah menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti motivasi dan komitmen guru tetap merupakan faktor yang sangat penting dalam memastikan kejayaan para pelajar.

Dalam hubungan ini, beta sukacita mengetahui bahawa Programme for International Student Assessment (PISA 2025) telah mendapati pelajar Negara Brunei Darussalam (NBD) telah melaporkan sokongan guru sebagai sangat positif. Dapatan ini lebih tinggi berbanding purata negara-negara Organisation for Economic Co-operation and Development (OCED). Sokongan serta komitmen para guru adalah berpotensi untuk mempengaruhi pembelajaran pelajar. Ini telah dibuktikan dalam beberapa kajian dan sekarang dalam PISA 2025 NBD adalah merupakan salah satu dari hanya beberapa buah negara, di mana pencapaian pelajar adalah meningkat dalam ketiga-tiga domain iaitu, Sains, Matematik dan Membaca.

Dalam perkembangan lain melalui penilaian yang sama, lebih dari 70 peratus pelajar telah mencapai tahap prestasi melebihi jangkaan dalam Computational Problem-Solving, dan ini meletakkan NBD dalam kedudukan kedua teratas dalam

senarai negara-negara yang mengikuti PISA.

Syabas dan tahniah beta ucapkan kepada seluruh warga guru, kerana pencapaian ini tidak mungkin akan dapat direalisasikan tanpa komitmen dan pengorbanan yang tidak berbelah bahagi daripada guru-guru semua.

Dalam kesungguhan untuk melengkapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran teknologi, para pendidik adalah turut memikul amanah membentuk sahsiah, akhlak dan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar. Dalam hal ini, beta berharap agar Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama akan sentiasa bekerjasama dalam memperkemas kurikulum demi memperkukuh penerapan nilai-nilai murni dan etika Melayu Islam Beraja (MIB) sejak dari peringkat sekolah rendah lagi. Usaha ini amat penting kerana pembentukan karakter dan sahsiah pelajar perlu bermula dari peringkat awal usia.

Mengenai kesejahteraan para guru, beta sentiasa memberi perhatian serius terhadap isu beban tugas dan pengajaran yang sering dihadapi. Kesejahteraan warga guru akan sentiasa menjadi keutamaan kerajaan beta. Oleh itu beta berharap Kementerian Pendidikan dapat melaksanakan penambahbaikan pengurusan Guru Relif secara bersepadu dan berkesan. Ini adalah bagi memastikan kesejahteraan para guru, kualiti dan proses pengajaran dan pembelajaran sentiasa terpelihara.

>> Muka 7

WAKTU SEMBAHYANG										
SEPTEMBER	HARI	RABIULAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
28	ISNIN	16	4.41	4.51	6.08	6.31	12.12	3.22	6.14	7.23
29	SELASA	17	4.41	4.51	6.08	6.30	12.12	3.22	6.13	7.22
30	RABU	18	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.13	7.22
1	KHAMIS	19	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
2	JUMAAT	20	4.41	4.51	6.08	6.30	12.11	3.23	6.12	7.21
3	SABTU	21	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20
4	AHAD	22	4.40	4.50	6.07	6.30	12.10	3.23	6.11	7.20

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU			
Bandar Seri Begawan			
31 25 °C		32 24 °C	
Pekan Bangar			
31 25 °C		32 24 °C	
Pekan Tutong			
31 25 °C		32 24 °C	
Kuala Belait			
31 25 °C		32 24 °C	

Wallahualam Bissawab

Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

www.mef.gov.bn

SIDANG PENGARANG 28 SEPTEMBER 2026

Pendidikan akhlak asas pembentukan insan

PENDIDIKAN akhlak merupakan salah satu aspek penting dalam pembentukan peribadi seseorang individu. Akhlak merujuk kepada tingkah laku, sikap dan nilai murni yang diamalkan dalam kehidupan seharian. Dalam dunia yang semakin moden dan mencabar, pendidikan akhlak amat diperlukan bagi melahirkan individu yang bukan sahaja berilmu, tetapi juga mempunyai keperibadian yang baik. Oleh itu, pendidikan akhlak memainkan peranan penting dalam membentuk kehidupan individu, keluarga dan masyarakat yang harmoni.

Antara kepentingan pendidikan akhlak ialah membentuk individu yang mempunyai keperibadian mulia. Pendidikan akhlak mengajar seseorang supaya bersikap jujur, amanah, bertanggungjawab, hormat-menghormati dan bertimbang rasa terhadap orang lain. Nilai-nilai tersebut perlu diterapkan sejak kecil supaya menjadi kebiasaan dalam kehidupan. Sebagai contoh, seorang pelajar yang dididik dengan akhlak yang baik akan menghormati guru, mematuhi peraturan sekolah. Hal ini dapat membentuk individu yang disenangi dan dihormati oleh orang di sekelilingnya.

Di samping itu, pendidikan akhlak juga penting dalam membentuk masyarakat yang aman dan harmoni. Masyarakat yang mengamalkan nilai toleransi, hormat-menghormati dan bekerjasama akan lebih mudah menyelesaikan perbezaan secara baik. Sebaliknya, kekurangan nilai akhlak boleh menyebabkan berlakunya perselisihan, buli, penipuan dan pelbagai masalah sosial. Oleh itu, pendidikan akhlak perlu diterapkan kepada semua lapisan masyarakat agar setiap individu memahami kepentingan menjaga tingkah laku dan menghormati hak orang lain.

Dalam Islam, akhlak bukan sekadar berkaitan dengan tingkah laku terhadap manusia, malah merangkumi hubungan seseorang dengan Allah Subhanahu Wata'ala. Islam amat menitikberatkan pembentukan akhlak yang mulia kerana seseorang Muslim yang berilmu juga perlu mempunyai keperibadian yang baik. Oleh itu, pendidikan akhlak hendaklah diterapkan sejak kecil agar nilai-nilai Islam dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam merupakan contoh terbaik dalam pembentukan akhlak yang mulia. Baginda bukan sahaja menyampaikan ajaran Islam, malah menunjukkan contoh melalui perbuatan, percakapan dan cara berinteraksi dengan orang lain. Oleh itu, keperibadian Rasulullah wajar dijadikan teladan dalam kehidupan seharian agar umat Islam dapat membentuk diri yang berakhlak mulia dan diredai Allah Subhanahu Wata'ala.

Oleh itu, pendidikan akhlak mempunyai peranan yang sangat penting dalam kehidupan seharian. Akhlak yang mulia bukan sahaja mencerminkan keperibadian seseorang, malah menjadi salah satu cara untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala. Pendidikan akhlak hendaklah diterapkan sejak usia muda melalui didikan keluarga, sekolah dan masyarakat. Dengan pengalaman akhlak yang baik secara berterusan, kita dapat melahirkan generasi yang berilmu, bertanggungjawab dan mampu memberikan sumbangan positif kepada masyarakat dan negara. - **Ketua Penyuntingan (Kr)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

✉ pelita.brunel@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جابتن قراغن، جابتن قردان منتری دان دجیتق اوله قرینت قلس سندیرین برحد، نگارابرونی دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

HEARTROX MERIAHKAN FESTIVAL KESIHATAN HARI JANTUNG SEDUNIA 2026



YANG Berhormat Menteri Kewangan II, yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Gleneagles JPMC hadir merasmikan acara berkenaan. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri Kesihatan, selaku ahli Lembaga Pengarah Gleneagles JPMC.

BERAKAS, Ahad, 27 September. - Sebanyak 132 pasukan yang terdiri daripada 264 peserta menyertai cabaran kecergasan HeartROX yang berlangsung hari ini di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah Berakas, sebagai aktiviti pertama sempena Festival Kesihatan Hari Jantung Sedunia 2026 anjuran Gleneagles JPMC.

HeartROX yang diperkenalkan buat kali pertama dalam sambutan Hari Jantung Sedunia tahunan Gleneagles JPMC itu melibatkan 42 pasukan lelaki, 42 pasukan wanita dan 48 pasukan beregu campuran.

Berangkat menyertai acara

berkenaan ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Acara berkenaan dirasmikan oleh Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Gleneagles JPMC.

Hadir sama ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku ahli Lembaga Pengarah Gleneagles JPMC, serta pihak pengurusan dan kakitangan

Gleneagles JPMC.

HeartROX menghimpunkan masyarakat menerusi aktiviti kecergasan, semangat berpasukan dan persaingan sihat.

Festival Kesihatan Hari Jantung Sedunia 2026 diadakan bersempena Hari Jantung Sedunia yang diraikan pada 29 September setiap tahun. Festival berkenaan bertujuan meningkatkan kesedaran dan pengetahuan mengenai kesihatan kardiovaskular, di samping menggalakkan orang ramai mengambil langkah proaktif dalam mencegah penyakit jantung melalui gaya hidup lebih sihat dan pengurusan faktor risiko berkaitan penyakit kardiovaskular.

Festival Kesihatan Hari Jantung Sedunia tahun ini akan menampilkan pelbagai aktiviti yang akan diadakan sepanjang bulan akan datang, menawarkan peluang kepada masyarakat untuk kekal aktif, mempelajari lebih lanjut mengenai kesihatan jantung serta menyertai pelbagai bentuk aktiviti kecergasan dan rekreasi.

Antara aktiviti seterusnya ialah 'Run for Your Heart' yang akan menampilkan kategori larian 10 kilometer bagi lelaki dan wanita, larian santai atau 'Fun Run' sejauh lima kilometer serta larian berkostum sejauh tiga kilometer.

Selain itu, 'Pick-A-Heart



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman berkenan berangkat menyertai acara berkenaan.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hasif Matzin

Challenge' akan menyatukan komuniti melalui sukan *pickleball* yang menampilkan kategori Beregu Lelaki, Beregu Wanita dan Beregu Campuran.

Festival tersebut juga akan menampilkan Pavilion Kesihatan Jantung dalam aktiviti-aktiviti akan datang, yang menghimpunkan pelbagai fungsi dan perkhidmatan Gleneagles JPMC bagi memberikan orang ramai pemahaman yang lebih mendalam mengenai kesihatan dan penjagaan kardiovaskular.

Festival Kesihatan Hari Jantung Sedunia 2026 turut mendapat sokongan pelbagai rakan kongsi rasmi. Limin Cardio Fitness merupakan rakan kongsi aktiviti bagi acara 'Run for Your Heart', Helmi Abdullah Fitness bagi HeartROX, manakala RYS

Entertainment bagi 'Pick-A-Heart Challenge'.

Turut menyokong festival berkenaan ialah Guardian Brunei sebagai Rakan Kongsi Kesejahteraan Rasmi; Suci Water dan C1000 sebagai Rakan Kongsi Hidrasi Rasmi; Frosthause sebagai Rakan Kongsi Pemulihan Rasmi; serta Pusat Perubatan Jerudong Park sebagai Rakan Kongsi Perubatan Rasmi.

Dalam pada itu, Gleneagles JPMC untuk meneruskan lagi Festival Kesihatan ini sempena Hari Jantung Sedunia bagi tahun 2026 melalui aktiviti-aktiviti akan datang sekali gus menyediakan lebih banyak peluang kepada masyarakat untuk kekal aktif, mempelajari tentang kesihatan jantung, dan mengutamakan kesihatan kardiovaskular.

Usaha membina semula kepercayaan, keyakinan antara negara perlu diperkukuh



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Negara Brunei Darussalam (NBD), dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam berkenan menghadiri hari kelima Perdebatan Umum Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Sesi Ke-81 di Ibu Pejabat PBB di New York, Amerika Syarikat (atas kiri dan atas kanan).

>> Muka 1

Dalam sabda juga, DYTMM menyatakan bahawa bagi NBD, multilateralisme memberikan jaminan bahawa kedaulatan dan keutuhan wilayah semua negara dihormati, di samping memastikan setiap negara, tanpa mengira saiz, mempunyai suara dalam arena antarabangsa.

DYTMM selanjutnya bersabda menegaskan bahawa Piagam PBB hendaklah kekal sebagai asas kebersamaan bagi semua negara ahli, dengan prinsip - prinsipnya ditegakkan

secara konsisten bagi memelihara legitimasi dan kredibiliti pertubuhan berkenaan.

DYTMM turut bersabda menyentuh mengenai isu Palestin dan melahirkan kebimbangan mendalam terhadap penderitaan berterusan rakyat Palestin di Gaza dan Tebing Barat, termasuk kehilangan nyawa dalam kalangan petugas perubatan, wartawan, pekerja kemanusiaan dan kakitangan PBB.

Dalam sabda juga, DYTMM menyeru agar undang-undang antarabangsa dan prinsip-prinsip piagam diterapkan secara sama

rata kepada semua dan menegaskan semula bahawa keamanan yang adil dan berkeadilan memerlukan punca utama konflik untuk ditangani serta hak sah rakyat Palestin untuk menentukan nasib sendiri dan penubuhan sebuah negara Palestin yang merdeka berdasarkan sempadan sebelum tahun 1967, dengan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kota, direalisasikan.

DYTMM juga bersabda menyatakan bahawa perkara berkenaan kekal sebagai ujian penting terhadap kredibiliti PBB,

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas

khususnya Majlis Keselamatan PBB.

Dalam sabda, DYTMM juga menarik perhatian terhadap kesan konflik yang lebih meluas di rantau berkenaan, termasuk di Lubnan, di mana tentera pengaman PBB turut kehilangan nyawa semasa menjalankan tugas, serta menyentuh mengenai Resolusi 2823 Majlis Keselamatan yang NBD turut menaja bersama, dalam memperkukuh akauntabiliti

terhadap jenayah yang dilakukan ke atas tentera pengaman PBB.

DYTMM turut bersabda menekankan keperluan untuk menangani cabaran-cabaran baharu, daripada konflik dan perubahan iklim kepada pembangunan mampan dan teknologi baharu, di samping memastikan transformasi dapat memperkukuh kerjasama dan bukannya memperdalam perpecahan.

>> Muka 4



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat mengadakan pertemuan dengan His Highness Sheikh Abdullah bin Zayed Al Nahyan, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri Emiriah Arab Bersatu, di kediaman peribadi His Highness di New York, Amerika Syarikat.

>> Muka 3

DYTM bersabda memberikan contoh ASEAN sebagai kerjasama serantau yang berasaskan dialog, sikap menahan diri dan penglibatan berterusan.

Bersempena dengan Ulang Tahun Treaty of Amity and Cooperation in Southeast Asia

(TAC) yang Ke-50, DYTM bersabda menekankan bahawa prinsip-prinsip TAC mengenai penghormatan terhadap kedaulatan, penyelesaian pertikaian secara aman, tidak campur tangan dan kerjasama antara negara mencerminkan prinsip-prinsip asas Piagam PBB.

DYTM seterusnya bersabda menyatakan bahawa TAC

memperkuh sistem multilateral, dengan pengalaman ASEAN menunjukkan bahawa institusi kekal relevan apabila peraturan dihormati, dialog terus terbuka dan perbezaan diurus secara aman.

Oleh itu, DYTM bersabda menekankan bahawa prinsip-prinsip yang sama harus menjadi panduan kepada PBB, dengan pembaharuan memberi tumpuan kepada pengukuhan keupayaan pertumbuhan berkenaan untuk mencegah krisis, bertindak balas secara berkesan kepada negara-negara ahli dan memberikan hasil yang bermakna kepada rakyat.

Sehubungan itu, DYTM bersabda menegaskan semula sokongan NBD terhadap Pact for the Future dan UN80 Initiative, dengan menyatakan bahawa pembaharuan harus memperkuh kecekapan, kredibiliti dan keberkesanan PBB.

DYTM seterusnya bersabda menegaskan bahawa PBB yang memberikan manfaat kepada semua pada akhirnya mestilah memberikan manfaat kepada rakyat, selaras dengan 2030 Agenda for Sustainable Development.

DYTM turut bersabda mengetengahkan Wawasan Brunei 2035 yang memberi

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri **Foto : Muhammad Asri Awang Haji Abas**

tumpuan kepada pencapaian rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya; kualiti hidup yang tinggi; serta ekonomi yang dinamik dan mampan.

Seterusnya DYTM bersabda menyatakan bahawa kemajuan negara bukan hanya bergantung kepada pertumbuhan ekonomi, tetapi juga memerlukan pelaburan terhadap rakyat dengan melengkapkan mereka dengan pengetahuan dan kemahiran untuk menyesuaikan diri dengan perubahan.

DYTM bersabda turut menekankan kepentingan kestabilan dan pembangunan dalam mewujudkan peluang yang bermakna serta membolehkan rakyat mencapai potensi sepenuhnya.

Dalam mengakhiri sabda, DYTM menegaskan bahawa usaha mengembalikan keyakinan terhadap sistem antarabangsa memerlukan komitmen yang ditunaikan, undang-undang antarabangsa yang diterapkan secara sama rata, kedaulatan yang dihormati dan dialog diutamakan berbanding konfrontasi.

DYTM bersabda, "Dunia tidak memerlukan satu lagi janji yang

gagal kita tunaikan. Sebaliknya, kita perlu menunaikan janji-janji yang telah dibuat", sambil menegaskan bahawa pelaksanaan komitmen yang sedia ada adalah penting dalam memulihkan kredibiliti, memastikan multilateralisme serta undang-undang antarabangsa terus kekal relevan, dan seterusnya membina sebuah PPB yang mampu memberikan manfaat kepada semua.

Ke arah itu DYTM bersabda menegaskan kesediaan NBD untuk memainkan peranannya.

Pada sebelah malam, DYTM berangkat mengadakan pertemuan dengan His Highness Sheikh Abdullah bin Zayed Al Nahyan, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Luar Negeri Emiriah Arab Bersatu, di kediaman peribadi His Highness di New York, Amerika Syarikat.

Kedua-dua belah pihak bertukar-tukar pandangan mengenai perkara-perkara dua hala yang berkepentingan, termasuk kerjasama dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pelancongan, tenaga boleh diperbaharui dan infrastruktur digital, serta pertukaran lawatan peringkat tinggi.

Majlis Bertahlil sempena Hari Perkhidmatan Awam ke-33



Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hasif Matzin

>> Muka 1

Hadir ke majlis tersebut ialah Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada majlis tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam) dan Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang).

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Keselamatan Negara, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada majlis tersebut. Turut hadir, Yang Berhormat Menteri di JPM (Urustadbir Perkhidmatan Awam) dan Yang Berhormat Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang).

Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof, selaku Penasihat Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-33, Tahun 2026.

Mengetuai bacaan tahlil di majlis berkenaan ialah Pegawai Pemantau Zon 5, Masjid Daerah Brunei dan Muara, Awang Zulhazmi bin Salleh.

Turut hadir ialah Menteri di JPM

(Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad; dan Menteri di JPM (Sekuriti dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu, selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-33, Tahun 2026.

Juga hadir Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan.

Sembahyang Sunat Hajat doakan kelancaran, kejayaan pelajar

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



>> Muka 1

Melalui projek berkenaan, para pelajar berpeluang mengikuti kelas tuisyen secara intensif dan percuma pada setiap Ahad di lapan buah pusat kelas tuisyen PIP di seluruh negara.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Nazmi bin Haji Mohamad, selaku Timbalan Pengerusi Lembaga Pengarah YSHHB.

Turut hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat, diikuti bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai serta bacaan Doa Peperiksaan yang diketuai oleh Imam Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai, Awang Abdul Khaliq Quysairi bin Ahmad.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan tazkirah bertajuk 'Berjuang Hingga Garisan Akhir' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Safwan bin Mohd. Suffian.

PIP merupakan salah satu usaha YSHHB dalam melaksanakan matlamat strategiknya bagi 'Mendukung Pencapaian Pendidikan yang Berkualiti dan Saksama', khususnya dalam membantu meningkatkan mutu pencapaian pendidikan pelajar daripada golongan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sembahyang Sunat Hajat yang diadakan di Masjid Pengiran Anak Haji Mohammed Alam, Kampung Sengkarai (atas dan kiri).

keluarga yang kurang berkemampuan.

Program berkenaan diharap dapat terus memberikan sokongan kepada para pelajar dalam meningkatkan

pencapaian akademik, di samping membantu mereka memperoleh peluang pendidikan yang lebih baik untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya.

NBD PERKUKUH KERJASAMA TANGANI EKONOMI GLOBAL

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Ekonomi, Perdagangan dan Industri

MANILA, REPUBLIK FILIPINA, Sabtu, 26 September. - Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin telah menghadiri Mesyuarat Menteri - menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-58 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan yang diadakan pada 17 hingga 22 September 2026 di Manila, Republik Filipina. Mesyuarat tersebut dipengerusikan oleh Setiausaha Jabatan Perdagangan dan Industri, Republik Filipina, Puan Yang Terutama Ma. Cristina A. Roque.

Pada AEM Ke-58, para menteri mengambil maklum bahawa ekonomi ASEAN terus menunjukkan daya tahan walaupun berdepan dengan ketidakpastian yang berpunca daripada krisis di Timur Tengah serta ketidakpastian geoekonomi global. Sehubungan itu, para menteri menekankan kepentingan memperdalam integrasi ekonomi serantau, memperkukuh daya tahan rangkaian bekalan, menggalakkan pelaburan serta mempertingkatkan kerjasama dalam isu - isu ekonomi yang sedang berkembang bagi mengekalkan momentum pertumbuhan dan daya saing jangka panjang ASEAN dalam persekitaran global yang semakin tidak menentu.

Para menteri turut menegaskan komitmen teguh ASEAN terhadap kejayaan pelaksanaan Visi Komuniti ASEAN 2045 dan Pelan Strategik Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2026-2030.

Sehubungan itu, mesyuarat telah menerima pakai Pelan-pelan Sektor AEC bagi memandu pelaksanaan Pelan Strategik AEC 2026-2030, selaras dengan aspirasi ASEAN untuk mengekalkan pertumbuhan berkualiti tinggi serta memperkukuh kedudukannya sebagai pemain utama dalam ekonomi global.

Para menteri mengalu-alukan kemajuan ketara dalam pelaksanaan Penyampaian Ekonomi Keutamaan (Priority Economic Deliverables - PED) 2026, termasuk penandatanganan Perjanjian Rangka Kerja Ekonomi Digital ASEAN (ASEAN Digital Economy Framework Agreement - DEFA) yang dijadualkan berlangsung di luar acara Sidang Kemuncak ASEAN Ke-49 pada November 2026.

ASEAN DEFA akan

menyediakan asas yang lebih kukuh bagi ekonomi digital yang lebih bersepadu, inklusif, berdaya saing dan dipercayai, di samping membantu perniagaan, khususnya Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS), untuk mengambil bahagian dengan lebih mudah dalam ekonomi digital serantau serta membolehkan transaksi digital rentas sempadan dilaksanakan dengan lancar.

Mesyuarat turut mengalu-alukan penandatanganan Protokol Pertama untuk Meminda Perjanjian Pelaburan ASEAN-Hong Kong, China (AHKIA) pada 20 September 2026. Protokol tersebut dijangka meningkatkan ketelusan bagi para pelabur dari ASEAN dan Hong Kong, Republik Rakyat China.

Semasa AEM Ke-58 - Mesyuarat Majlis Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (ASEAN Free Trade Area Council Meeting) Ke-40, para menteri mengambil maklum mengenai peningkatan kadar penggunaan Perjanjian Perdagangan Barangan ASEAN (ASEAN Trade in Goods Agreement - ATIGA) serta mengalu-alukan penerusan pelaksanaan langkah - langkah yang memudah cara perdagangan, termasuk pelaksanaan sepenuhnya Borang D elektronik (*e-Form D*) dan Skim Pensijilan Kendiri Seluruh ASEAN, yang memudahkan pergerakan barangan secara lancar serta akses kepada layanan tarif keutamaan.

Para menteri turut mengalu-alukan Deklarasi mengenai Pemakaian Sementara Protokol Kedua untuk Meminda ATIGA (ATIGA Dinaik Taraf), yang akan memudahkan penguatkuasaan awal ATIGA Dinaik Taraf dalam tahun 2026 bagi merealisasikan manfaatnya melalui pemudahcaraan pergerakan barangan secara lancar, peningkatan ketelusan dan kebolehmahaman bagi perniagaan, khususnya PMKS di seluruh rantau ini.

Pada AEM Ke-58 - Mesyuarat Majlis Kawasan Pelaburan ASEAN (ASEAN Investment Area Council Meeting) Ke-29, para menteri mengalu-alukan penandatanganan Protokol Kelima untuk Meminda Perjanjian Pelaburan Komprehensif ASEAN (ACIA) oleh semua pihak serta penerimaan rasmi Garis Panduan Pelaburan Mampan ASEAN (ASEAN Sustainable Investment Guidelines - ASIG).

Mesyuarat turut mengalu-alukan kemajuan yang baik dalam

YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir pada Mesyuarat Menteri-menteri Ekonomi ASEAN (AEM) Ke-58 dan Mesyuarat-mesyuarat Berkaitan di Manila, Republik Filipina.

beberapa inisiatif pelaburan, seperti pelaksanaan Pelan Tindakan Promosi Pelaburan Serantau ASEAN (RIPAP) serta pelancaran laman sesawang baharu InvestASEAN dan 'Investment Ready Projects: A Guide for Investment Promotion Agencies'.

Para menteri turut membincangkan Laporan Pelaburan ASEAN 2026 mengenai Pelaburan Langsung Asing (FDI) dan Pembangunan Aset Tidak Ketara serta Kajian Semula Dasar-dasar Pelaburan di ASEAN.

Yang Berhormat telah menyertai Rundingan AEM Ke-24 - Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC), di mana mesyuarat telah membincangkan cadangan dasar ASEAN-BAC mengenai rantaian bekalan dan pemudahcaraan perdagangan, ekonomi digital, ekonomi kitaran dan kemampanan serta projek-projek legasinya.

Para menteri turut mengadakan rundingan dengan Ketua Pengarah Pertubuhan Harta Intellect Dunia (WIPO), Darren Tang, di mana mereka membincangkan perkembangan Memorandum Persefahaman ASEAN - WIPO dan bidang-bidang kerjasama strategik dalam Harta Intellect, serta impak aset tidak ketara dan pengintegrasian harta intelek ke dalam ekonomi digital dan kreatif. Perkara ini berpotensi membolehkan perniagaan, institusi penyelidikan dan para pencipta melindungi serta mengkomersialkan inovasi mereka, menarik pelaburan dan berkembang ke pasaran serantau dan antarabangsa.

Siri mesyuarat tersebut turut merangkumi rundingan dengan Rakan Dialog ASEAN termasuk Australia, Kanada, Republik Rakyat China, Kesatuan Eropah, Hong Kong, Republik Rakyat China, Republik India, Jepun, Republik Korea, New Zealand, Persekutuan Rusia, Switzerland, United Kingdom dan Amerika



Syarikat.

Dalam mesyuarat-mesyuarat tersebut, para menteri mengalu-alukan perkembangan usaha-usaha kerjasama ekonomi serta membincangkan pelaksanaan atau rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) ASEAN dengan Rakan Dialog, iaitu (i) Australia dan New Zealand; (ii) Kanada; (iii) Republik Rakyat China; (iv) Hong Kong, Republik Rakyat China; (v) Republik India; (vi) Jepun; dan (vii) Republik Korea.

Semasa AEM Ke-31 - Rundingan Hubungan Ekonomi Lebih Rapat, Yang Berhormat selaku Penyelaras Negara ASEAN, telah memberikan taklimat kepada mesyuarat dan menyatakan kepuasan terhadap kerja-kerja berkaitan pelaksanaan Perjanjian Penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA).

Sehubungan itu, Yang Berhormat merakamkan penghargaan kepada Australia dan New Zealand atas komitmen berterusan mereka dalam menyokong pelaksanaan AANZFTA melalui bantuan teknikal dan kewangan di bawah Program Sokongan Pelaksanaan AANZFTA (AISP) dan Perdagangan Serantau untuk Pembangunan (RT4D).

Di samping itu, Yang Berhormat menggesa pihak-pihak yang masih belum berbuat demikian untuk mempercepatkan prosedur domestik masing-masing bagi meratifikasi Protokol Kedua untuk Meminda AANZFTA, bagi membolehkan para pedagang, perniagaan dan pelabur dari ASEAN, Australia dan New Zealand memperoleh manfaat

daripada perjanjian yang telah dipertingkatkan tersebut.

Para menteri turut mengadakan Mesyuarat Menteri - menteri Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) Ke-5, yang dipengerusikan bersama oleh Timbalan Menteri Perdagangan Republik Indonesia, Puan Yang Terutama Dyah Roro Esti Widya Putri dan Ahli Parlimen dan Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Luar, Pertahanan dan Perdagangan, Parlimen New Zealand, Yang Berhormat Dr. Shane Reti, MP.

Antara lain, para menteri menekankan peranan penting Perjanjian RCEP dalam memajukan integrasi ekonomi serantau dan mengalu-alukan perkembangan positif ke arah memperluaskan keahlian RCEP.

Sehubungan itu, para menteri meluluskan cadangan Jawatankuasa Bersama RCEP untuk menubuhkan Kumpulan Kerja Khas mengenai Penyertaan bagi memajukan proses penyertaan Hong Kong, Republik Rakyat China, Sri Lanka, Chile dan Republik Rakyat Bangladesh.

Bagi Uruguay pula, mesyuarat mengambil maklum mengenai hasrat negara tersebut untuk menyertai perjanjian berkenaan pada Februari 2026, yang akan dipertimbangkan sewajarnya.

Mesyuarat turut mengambil maklum mengenai persiapan yang sedang dilaksanakan bagi Kajian Semula Umum Perjanjian RCEP pada tahun 2027, yang akan menyediakan peluang untuk memperkukuh dan menambah baik perjanjian tersebut selaras dengan perkembangan ekonomi serantau dan global yang sedang berkembang.

Keputusan permohonan Skim BPTV, TVET dikeluarkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BERAKAS, Sabtu, 26 September. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa sukacita memaklumkan bahawa keputusan permohonan Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) dan juga Skim Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi Sesi Akademik 2026/2027 telah dikeluarkan, hari ini.

Pemohon-pemohon Skim BPTV dan Skim TVET Sesi Akademik 2026/2027 bolehlah mendapatkan keputusan permohonan mereka dengan melayari laman sesawang Kementerian Pendidikan di www.moe.gov.bn.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan menerusi talian +673 2380019 (Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 7.45 petang hingga 12.15 petang dan 1.30 petang hingga 4.30 petang) atau e-mel ke scholarship@moe.gov.bn.



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 1.'Strategi Memperkukuh Pengeluaran Makanan Tempatan'. Tarikh Tutup : 30 September 2026
- 2.'Peranan Komuniti dalam Memajukan Pembangunan Sukan'. Tarikh Tutup : 7 Oktober 2026
- 3.'Guru Pemacu Pendidikan Berkualiti'. Tarikh Tutup : 14 Oktober 2026

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PROJEK PENANAMAN PADI HIBRID PERKUKUH USAHA PEMULIHAN PENGHUNI PENJARA

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan acara penanaman padi hibrid (kiri dan kiri sekali).

>> Muka 1

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Guru Ugama Institusi Penjara Maraburong Fasa III, Awang Muhd. Yusri bin Othman.

Majlis diteruskan dengan persembahan Selawat Tafriyyah dan Selawat Jibril oleh Kumpulan Al-Muslihun yang terdiri daripada penghuni penjara, sebelum diikuti dengan acara penanaman padi hibrid oleh tetamu kehormat sebagai simbolik pelancaran projek berkenaan.

Projek Penanaman Padi Hibrid merupakan sebahagian daripada kerjasama strategik antara

Jabatan Penjara dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) yang memberikan tumpuan kepada pembangunan kemahiran, pembentukan sahsiah dan jati diri, serta persediaan penghuni untuk kembali menjadi anggota masyarakat yang produktif dan berdikari.

Seramai 14 orang penghuni, terdiri daripada tujuh penghuni Fasa 1 dan tujuh penghuni Fasa 3, terlibat dalam aktiviti penanaman padi hibrid berkenaan.

Melalui program tersebut, para penghuni diberikan latihan praktikal dalam bidang pertanian, termasuk pengurusan tanaman, penggunaan sumber secara berkesan, disiplin kerja serta amalan pertanian yang betul.

Kemahiran yang diperoleh bukan sahaja memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna sepanjang proses pemulihan, malah berpotensi

menjadi sumber pendapatan dan membuka peluang pekerjaan selepas tamat tempoh hukuman.

Pendekatan tersebut mencerminkan komitmen Jabatan Penjara dalam melaksanakan program pemulihan yang berorientasikan hasil, dengan memberikan penekanan kepada pembangunan kebolehpasaran, peningkatan keyakinan diri serta pengurangan risiko mengulangi kesalahan melalui pemerksaan individu dan pemberian peluang kedua.

Sebagai langkah awal bagi memastikan kejayaan projek, Jabatan Penjara bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui Unit Sains Tanah dan Nutrien bagi melaksanakan analisis tanah di kawasan projek.

Berdasarkan keputusan analisis yang diterima pada April 2026, tapak projek seluas kira-kira 1.5 ekar didapati sesuai dan berpotensi untuk penanaman padi hibrid.

Penilaian tersebut menjadi asas penting dalam memastikan projek

dilaksanakan secara terancang dan mampan, selain berpotensi menghasilkan produktiviti yang baik.

Bagi fasa pertama, baka padi hibrid Yuan 158 dipilih berdasarkan keupayaannya menghasilkan hasil tuaian yang tinggi. Dengan pengurusan air, pembajaan dan penjagaan secara sistematik, padi berkenaan dijangka mencapai tempoh matang dalam lingkungan 105 hingga 110 hari sebelum dituai.

Selain menjadi platform latihan dan pembangunan kemahiran, projek tersebut turut menyokong usaha negara dalam memperkukuh pengeluaran makanan tempatan serta meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan sektor pertanian dalam pembangunan ekonomi dan kesejahteraan negara.

Pelaksanaan projek berkenaan mencerminkan keyakinan bahawa setiap individu mempunyai potensi untuk berubah dan membina kehidupan yang lebih baik apabila

diberikan peluang yang sewajarnya.

Melalui gabungan pendidikan, pembangunan kemahiran, pengalaman praktikal dan sokongan komuniti, Jabatan Penjara dan BIBD terus komited membantu membuka lembaran baharu kepada para penghuni dalam perjalanan mereka ke arah pemulihan dan reintegrasi yang berjaya.

Sebagai projek perintis yang menghubungkan aspek pemulihan, pembangunan modal insan dan keterjaminan makanan negara, Projek Penanaman Padi Hibrid di Penjara Maraburong diharap menjadi asas kepada usaha yang lebih meluas pada masa hadapan, sekali gus membuka peluang lebih besar kepada para penghuni untuk membina kehidupan yang berdikari serta menyumbang secara positif kepada keluarga, masyarakat dan NBD.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif BIBD selaku Ahli Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB); Pemangku Setiausaha MUIB; Setiausaha Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN); Pemangku Pengarah Penjara; Ahli-ahli Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah BIBD; ketua-ketua jabatan di bawah KHEDN; pegawai-pegawai kanan BIBD serta pegawai dan kakitangan KHEDN.

WARGAMAS semarak Hari Keputeraan Ke-80 dengan Khatam Al-Quran



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat majlis yang diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

JERUDONG, Ahad, 27 September. - Pertubuhan WARGAMAS dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanah Bolkiah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026, di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan

Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua Pertubuhan WARGAMAS, Awang Haji Abu Bakar bin Haji Mohd. Don selaku Pengerusi Bersama Majlis Khatam Al-Quran.

Beliau berkata, sejak ditubuhkan pada tahun 2019, Pertubuhan WARGAMAS terus memainkan

peranan dalam menyatupadukan serta mengeratkan hubungan silaturahim dalam kalangan pimpinan dan ahli WARGAMAS di seluruh negara menerusi kegiatan keagamaan khususnya pembacaan Al-Quran dan Majlis Khatam Al-Quran yang mendapat sambutan menggalakkan.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat, diikuti dengan bacaan Surah Ad-Duha hingga Surah An-Nas.

Bacaan Takhtim pula dipimpin oleh Biro Warganita, manakala bacaan Doa Khatam diketuai oleh Awang Haji Zulkifli bin Haji Zakaria.

Majlis turut diserikan dengan Dikir Marhaban oleh warga Pertubuhan WARGAMAS.

Pada majlis tersebut, tetamu kehormat menyampaikan sumbangan infak Letak Kereta Masjid An-Naim, Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor Mengkubau, juga cenderamata kepada Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat dan Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis tersebut diadakan sebagai tanda kesyukuran dan bagi menyemarakkan Sambutan Ulang

Tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun 2026 melalui pengisian keagamaan, di

samping memupuk semangat silaturahim dan kebajikan dalam kalangan masyarakat khususnya ahli-ahli Pertubuhan WARGAMAS.

Pelaksanaan Eksesais Hikmat Bersatu VII/2026 ditunda

Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 September. - Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan bahawa Eksesais Hikmat Bersatu VII/2026 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang pada asalnya dijadualkan berlangsung dari 28 September 2026 hingga 7 Oktober 2026, adalah ditunda ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian.

Keputusan berkenaan dibuat berdasarkan situasi jerebu semasa yang masih menjejaskan kualiti udara di Negara Brunei Darussalam serta keadaan cuaca panas, dengan mengambil kira aspek keselamatan dan kesejahteraan semua pihak yang terlibat, khususnya dalam pelaksanaan eksesais berskala besar.

Tarikh baharu pelaksanaan eksesais serta sebarang perkembangan lanjut akan dimaklumkan melalui saluran rasmi Kementerian Pertahanan.

87 WARGA BSJV DIRAIKAN ATAS DEDIKASI PERKHIDMATAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

JERUDONG, Sabtu, 26 September. – Seramai 87 warga Brunei Shell Joint Venture (BSJV) diraikan atas dedikasi dan sumbangan mereka kepada syarikat dan industri tenaga negara pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Lama BSJV, hari ini.

Para penerima berkenaan telah mencapai tempoh perkhidmatan selama 25, 30, 35 dan 40 tahun pada tahun 2025, sekali gus mencerminkan komitmen, profesionalisme dan kepakaran yang dicurahkan sepanjang perjalanan kerjaya mereka.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi

bin Haji Mohd Hanifah, dan Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah para pegawai kanan kerajaan serta pihak pengurusan syarikat-syarikat BSJV.

Pengarah Urusan Brunei Shell Petroleum Sdn. Bhd. (BSP), Johan Atema dalam ucapannya bagi pihak para Pengarah Urusan BSJV, menekankan sumbangan tidak ternilai para pekerja yang telah lama berkhidmat.

Menurut beliau, pengalaman, dedikasi dan kepimpinan para pekerja berkenaan telah membantu membentuk kejayaan syarikat-syarikat BSJV serta terus menyokong pertumbuhan masa depan Negara Brunei Darussalam.

Majlis tersebut turut mencatatkan detik bersejarah bagi Brunei Shell Marketing Company Sdn. Bhd. (BSM) apabila Dayang Masnah Taib menjadi penerima pertama anugerah perkhidmatan 40 tahun bagi syarikat berkenaan.

Mewakili para penerima, Dayang Masnah Taib turut menyampaikan penghargaan atas peluang, pengalaman dan hubungan yang diperoleh sepanjang perjalanan kerjayanya.

Penyampaian anugerah tersebut bukan sahaja menjadi tanda penghargaan terhadap tempoh perkhidmatan, malah melambangkan pengetahuan, pengalaman, keprihatinan dan komitmen yang telah dibina sepanjang puluhan tahun.

Sumbangan para penerima turut

memainkan peranan dalam menyokong operasi dan kejayaan syarikat-syarikat BSJV, di samping memperkukuh industri tenaga Negara Brunei Darussalam.

Majlis berkenaan juga meraikan nilai, pengetahuan dan pengalaman yang dikumpulkan sepanjang tempoh perkhidmatan, yang terus menjadi asas penting kepada kejayaan dan kemajuan berterusan syarikat-syarikat BSJV.

Dalam melangkah ke hadapan, BSJV kekal memberikan penekanan terhadap kekuatan sumber manusianya.

Dedikasi, kepakaran dan komitmen para pekerja terus memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan dan kemajuan mampan Negara Brunei Darussalam.

Kanser Kolorektal

Kanser kolorektal adalah kanser No. 1 di kalangan lelaki dan No. 2 di kalangan wanita di Negara Brunei Darussalam.

Faktor Risiko

- Lelaki mempunyai risiko yang lebih tinggi dari wanita
- Mempunyai ahli keluarga yang menghidap kanser kolorektal
- Pernah menghidap kanser kolorektal
- Obes
- Merokok
- Tidak aktif secara fizikal
- Diet yang rendah serat dan tinggi lemak
- Meminum alkohol yang berlebihan

Penyebab bagi:

1 dalam 10 kanser lelaki
1 dalam 5 kanser wanita

Langkah Pencegahan

- Tidak merokok
- Mengekalkan berat badan yang sihat
- Perbanyakkan memakan buah-buahan dan sayur-sayuran
- Meningkatkan aktiviti fizikal
- Elakkan meminum minuman keras
- Pengesanan awal untuk kanser kolorektal

Tanda-Tanda Kanser Kolorektal

- Perubahan tabiat membuang air besar
- Darah dalam najis
- Sakit perut yang berpanjangan
- Perut kembung
- Kurang selera makan

"Pengesanan awal dapat menyelamatkan nyawa"

Untuk maklumat lanjut mengenai Program Pemeriksaan Kanser Kolorektal, sila layari: <https://moh.gov.bn/>

Jika anda mengalami tanda-tanda tersebut, sila berjumpa dengan doktor untuk pemeriksaan lanjut.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran) dan Yang Berhormat Menteri Kewangan II semasa sesi bergambar ramai pada Majlis Anugerah Perkhidmatan Lama BSJV.

Doa Kesyukuran sempena 42 Tahun Hospital RIPAS

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 September. - Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) telah mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bersempena 42 Tahun Perkhidmatan di Surau Nuurul 'Inayah.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat secara berjemaah, diikuti dengan bacaan Surah Yaa Siin dan Tahlil bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam; Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Doa Kesyukuran serta bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei

Darussalam yang diketuai oleh Pegawai Pelajaran, Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital RIPAS, Awang Ahmad Syuja'ie bin Begawan Mudim Haji Metassim.

Majlis Doa Kesyukuran tersebut diadakan sebagai tanda kesyukuran atas 42 tahun perkhidmatan Hospital RIPAS dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan kepada masyarakat.

Sambutan berkenaan turut menjadi wadah bagi menghargai sumbangan dan komitmen warga hospital yang sentiasa memainkan peranan penting dalam mendukung penyampaian perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dan berterusan kepada masyarakat.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud; Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan) Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff serta ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Hospital RIPAS.



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Doa Kesyukuran bersempena 42 Tahun Perkhidmatan anjuran Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di Surau Nuurul 'Inayah.

HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Pemeriksaan proses pembelajaran dan pengajaran juga hendaklah terus diusahakan melalui program-program yang sedia ada. Sehubungan dengan ini, beta berpandangan bahawa usaha tersebut perlu disejajarkan dengan pemantapan sistem pendidikan, termasuk memperkukuh sistem intervensi awal kanak-kanak. Penyediaan pendidikan awal yang inklusif hendaklah diberikan perhatian supaya setiap kanak-kanak, tanpa mengira latar belakang atau keupayaan, mendapat peluang yang saksama untuk berkembang secara optimum.

Dalam hal ini, beta sukacita memperkenalkan penubuhan National Intervention Centre for Early Childhood Education iaitu satu pusat intervensi pendidikan awal kanak-kanak berusia antara dua hingga empat tahun bermula tahun 2027. Pusat ini akan diterajui bersama oleh Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Akhir kata, beta dengan ikhlas merakamkan ucapan Selamat Hari Guru kepada seluruh warga pendidik di NBD. Semoga segala jasa, pengorbanan dan bakti yang dicurahkan dalam mendidik generasi pewaris akan sentiasa diberkati serta dikurniakan ganjaran yang berlipat ganda oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Beta turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada para penerima Anugerah Hari Guru pada tahun ini. Semoga penghargaan berprestij ini menjadi sumber inspirasi serta pencetus semangat seluruh warga guru dalam melaksanakan amanah tanggungjawab yang dipikul.

Sekian, *Wabillahi Taufeq Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

MEMPERKUKUKKAN UKHUWAH, MENYEBARLUASKAN DAKWAH SECARA BERHIKMAH

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

TUTONG, Sabtu, 26 September. - Dalam usaha memperkukuhkan pendekatan dakwah yang lebih dekat dengan masyarakat, Pusat Da'wah Islamiyah (PDI, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Cawangan Da'wah Daerah Tutong, dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru Daerah Tutong (PESATU) dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjong Maya dan Lubok Pulau, Daerah Tutong telah mengadakan Program 'Sungdai Ga PESATU' - PESATU Komuniti Fest 2026 yang bermaksud 'Lakastah ke PESATU'.

Program yang diadakan di Dewan Serbaguna PESATU, Kampung Tanjong Panjang, Mukim Tanjong Maya, di sini, merupakan sebuah festival komuniti berteraskan dakwah yang menggabungkan elemen dakwah, keusahawanan, kebudayaan dan kekeluargaan dalam suasana yang santai, inklusif dan mesra masyarakat.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Hal Ehwal

Ugama, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Turut hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad dan Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Hadir sama, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri; Pemangku Pengarah PDI, Awang Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abdul Rahman; Pemangku Penolong Pengarah PDI; Penghulu Mukim Tanjong Maya, Daerah Tutong; Ketua-ketua Kampung Daerah Tutong; Ahli-ahli Persatuan Muallaf serta para pegawai dan kakitangan PDI dan Cawangan Da'wah Daerah Tutong.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar, Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Tenaga Pengajar Kelas Bimbingan Muallaf

PESATU, Awang Muhammad Didi Sufian bin Haji Masri.

Acara kemudiannya diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua PESATU, Awang Haji Hasbie Azrol bin Abdullah Liat selaku Pengerusi Bersama Majlis, diikuti dengan persembahan nasyid daripada ahli persatuan PESATU.

Acara kemuncak program ialah perasmian Sungdai Ga PESATU yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan lawatan ke zon-zon pameran dan reruai, antaranya Zon Sejarah PESATU, Zon Keusahawanan yang menampilkan Muallafpreneurs dan Program Satu Kampung Satu Produk (1K1P), Zon Da'wah, Zon Komuniti dan Zon Selera (Food Festival).

Penganjuran Program Sungdai Ga PESATU ini bertujuan untuk memperkenalkan PESATU kepada masyarakat sebagai sebuah pusat komuniti yang aktif dalam melaksanakan aktiviti dakwah, kemasyarakatan dan pembangunan komuniti.

Selain itu, program berkenaan turut dihasratkan untuk menjadi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis di Program 'Sungdai Ga PESATU' - PESATU Komuniti Fest 2026 yang berlangsung di Dewan Serbaguna PESATU, Kampung Tanjong Panjang, Mukim Tanjong Maya, Tutong.

salah satu platform yang berkesan dalam memperkukuhkan ukhuwah, menyebarkan dakwah secara berhikmah, memperkasa komuniti

serta memberikan manfaat yang berterusan kepada masyarakat selaras dengan slogan 'Dari Komuniti, Untuk Komuniti'.

Sabar, reda, tawakal hadapi ujian



ISTERI kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ceramah Khas Perhimpunan Muslimah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong.



CERAMAH disampaikan oleh Dayang Siti Noraini binti Haji Mohd. Hashim.

TUTONG, Sabtu, 26 September. - Sempena Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (MHBPT), Majlis Ceramah Khas Perhimpunan Muslimah telah diadakan pagi tadi bertempat di Dewan Solat Utama, MHBPT.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah isteri kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Norazimah binti Haji Ramlee.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Ceramah bertajuk 'Saat Hati Lelah, Kembalilah Kepada Allah' disampaikan oleh Guru Ugama Terlatih, Bahagian Penyebaran Da'wah (Kaunseling), Pusat Da'wah

Oleh : Nurdiyanah Rajami
Foto : Nurdiyanah Rajami, ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir

Islamiyah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dayang Siti Noraini binti Haji Mohd. Hashim selaku penceramah undangan.

Fokus utama ceramah tersebut adalah mengenai konsep sabar, reda dan tawakal sebagai penawar utama dalam mengatasi kelesuan jiwa (*emotional burnout*) dan ketekanan hidup.

Ceramah turut menekankan keperluan untuk memperkukuhkan pergantungan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan menjadikan solat, Al-Quran, zikir dan doa sebagai benteng utama apabila menghadapi pelbagai ujian.

Sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala, kita perlu mengubah persepsi terhadap ujian dengan lebih memahami hikmah di sebalik setiap kesedihan dan cabaran serta melihatnya sebagai tanda kasih sayang Allah Subhanahu Wata'ala untuk mengangkat darjat hamba-Nya. Emosi dan kesihatan mental perlu diurus dan ditangani berdasarkan pandangan serta tuntutan Islam.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan, Muslimah dari masjid-masjid di sekitar Daerah Tutong dan orang ramai.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada Penceramah Undangan dan tetamu

kehormat majlis yang disampaikan oleh Pengerusi Majlis Ceramah Khas Perhimpunan Muslimah Sempena Sambutan Jubli Intan MHBPT, Dayang Hajah Zainun binti Haji Md. Daud.

Bagi memohon keberkatan majlis, bacaan doa dipimpin Penyelia Hal Ehwal Muslimah, Jawatankuasa Takmir MHBPT, Dayang Haziqah Najwa binti Haji Ibrahim.

Sehubungan itu, Pameran Khas Jubli Intan 60 Tahun MHBPT dibukakan bagi kunjungan orang ramai selama tiga hari berturut-turut, bermula Jumaat, 25 September 2026 pada pukul 2.00 petang hingga 9.00 malam; Sabtu, 26 September 2026 bermula pukul 8.00 pagi hingga 9.00 malam; dan Ahad, 27 September 2026 bermula pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Beberapa program dan aktiviti seperti Ceramah Khas Muslimah, Program Bicara Belia, tazkirah, peraduan mewarna untuk kanak-kanak, jualan *Food Truck* peniaga-peniaga tempatan turut berlangsung di sepanjang tiga hari acara sambutan tersebut.

Bagi tujuan untuk mengimarahkan Sambutan Jubli Intan 60 Tahun MHBPT, pelbagai program dan aktiviti telah diadakan sejak awal tahun 2026 ini antaranya, Forum Perdana, aktiviti Riadah 'Fun

Ramah Mesra sempena Sambutan Hari Guru

Berita dan Foto : Ak. Mohamad Zaki Pg. Haji Kasharan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat majlis serta menyempurnakan majlis perasmian acara berkenaan.

JERUDONG, Sabtu, 26 September. - Dalam usaha bagi menghimpunkan sebahagian mantan guru yang pernah berkhidmat di Sekolah Persediaan Inggeris Tutong dan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah, satu Majlis Ramah Mesra Sempena Sambutan Hari Guru telah diadakan pagi tadi bertempat di salah sebuah restoran di Jerudong.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin yang juga berkesudian menyempurnakan majlis perasmian acara berkenaan.

Adapun majlis yang diadakan sebagai tanda mengenang jasa dan budi di samping mengeratkan lagi ikatan silaturahim setelah sekian lama tidak berjumpa juga menjadi wadah untuk para mantan guru dan pelajar di sekolah berkenaan untuk mengimbau kenangan silam yang dilalui bersama-sama satu ketika dahulu.

Majlis dimulakan dengan sesi bergambar ramai bersama tetamu kehormat majlis sebelum diteruskan dengan ucapan Pengerusi Majlis, Awang Haji Roslan bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab.

Kemuncak acara pada majlis ialah majlis perasmian acara berkenaan yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Ahli MMN.

Majlis Ramah Mesra sempena Sambutan Hari Guru 2026 bagi Mantan Guru-guru 70-80 Sekolah Persediaan Inggeris Tutong dan Sekolah Menengah Sufri Bolkiah Tutong berkenaan telah diungkuhkan oleh para pelajar Persediaan Satu 1974 di sekolah berkenaan dengan harapan untuk mengenang jasa guru-guru dan menyambung kembali ikatan persahabatan yang telah terjalin sekian lama.

Run', Bengkel Wudhu, Program Belia dan Kempen Kebersihan.

MHBPT dirasmikan pada Jumaat, 26 Ogos 1966 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanul Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (yang pada waktu itu memegang gelaran Yang Teramat

Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanul Bolkiah).

Sebagai sebuah masjid utama di Daerah Tutong, MHBPT ini bukan sahaja berperanan sebagai sebuah tempat beribadat semata-mata, tetapi juga dimanfaatkan untuk pelbagai program dan aktiviti bagi memperkukuh hubungan antara penduduk dan masyarakat serta tumpuan bagi acara-acara keraian dan sambutan hari-hari kebesaran Islam dan negara.

UNISSA, WURI TEROKA KERJASAMA GLOBAL TAHUN 2027



DEGGENDORF, REPUBLIK PERSEKUTUAN JERMAN, Sabtu, 26 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) baru-baru ini menyertai World University Rankings for Innovation (WURI) Global Conference 2026 yang berlangsung selama tiga hari, dari 23 hingga 25 September 2026 di Deggendorf Institute of Technology (DIT), Republik Persekutuan Jerman.

Delegasi terdiri daripada Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani, dan Ketua Unit Pengiktirafan dan Pengkorporatan, Pusat Pembangunan Strategik dan Kelestarian (CerDaS), Dr. Zulamali @ Abdul Aziz bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Matassan semasa menyertai World University Rankings for Innovation (WURI) Global Conference 2026.

Dalam penyertaan kali kelima tersebut, UNISSA berjaya menduduki tempat ke-147 secara keseluruhan di peringkat global, selain mencatat pencapaian dalam beberapa kategori utama, iaitu tempat ke-29 bagi kategori

REKTOR UNISSA, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani dan Ketua Unit Pengiktirafan dan Pengkorporatan, Pusat Pembangunan Strategik dan Kelestarian (CerDaS), Dr. Zulamali @ Abdul Aziz bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Matassan semasa menyertai World University Rankings for Innovation (WURI) Global Conference 2026.

daripada pencapaian UNISSA dalam WURI 2026, susulan pengumuman keputusan pada 7 Mei 2026 lalu sempena 6th Hanseatic League of Universities (HLU) Annual Conference dan WURI Global Rankings 2026.

Dalam penyertaan kali kelima tersebut, UNISSA berjaya menduduki tempat ke-147 secara keseluruhan di peringkat global, selain mencatat pencapaian dalam beberapa kategori utama, iaitu tempat ke-29 bagi kategori

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

Industrial Application, ke-44 bagi Inclusive Social Innovation for the Underserved, ke-79 bagi Representative Research Project dan ke-82 bagi AI-Based Teaching and Learning Transformation.

Persidangan turut melibatkan sesi mesyuarat dan perbincangan tiga rangkaian utama, iaitu The World University Network of Innovators for Presidents (WUNI-P), The World University Network of Innovators for Leaders (WUNI-L) dan The World University Network of Innovators for Experts (WUNI-E).

Dalam Rangkaian WUNI-P, Rektor UNISSA telah dilantik sebagai Naib Pengerusi Lembaga bagi sesi 2026 / 2027.

Dalam pada itu, Rektor UNISSA turut mengadakan

pertemuan empat mata bersama Pengasas WURI Foundation, Professor Dr. Dong-Sung Cho, bagi membincangkan cadangan kerjasama berskala global antara UNISSA dan WURI yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2027 di Negara Brunei Darussalam.

Cadangan kerjasama tersebut dihasratkan menjadi salah satu inisiatif UNISSA menyambut Hari Keputeraan Ke-81 dan Sambutan Jubli Intan Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selain menyokong aspirasi Tahun Melawat Brunei 2027.

MHBPT terus jadi pusat syiar Islam, pendidikan, penyatuan komuniti

Oleh : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim, Ihsan Kumpulan Belia Ibadurrahman



SETIAUSAHA Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad semasa menyampaikan penghargaan kepada salah seorang penerima.

TUTONG, Ahad, 27 September. - Sambutan Jubli Intan 60 Tahun Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong (MHBPT) yang telah diadakan selama tiga hari bermula 25 September 2026 telah berakhir pada petang tadi dalam satu Majlis Penutup dan Penghargaan sempena Sambutan Jubli Intan 60 Tahun masjid berkenaan.

Hadir pada majlis yang berlangsung di Dewan Solat Utama, MHBPT, di sini, Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dr. Awang Haji Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad, selaku tetamu kehormat majlis.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat Imam MHBPT, Awang Sahibul Omar bin Haji Yusof, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Imam MHBPT, Awang Mohammad Waiz bin Tajuddin.

Awang Mohammad Waiz dalam ucapannya, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penaja dan pewakaf para dermawan dan penaja serta semua pihak yang telah memberikan sokongan tenaga, buah fikiran dan sumbangan dalam perjalanan

MHBPT sepanjang 60 tahun penubuhannya, terutama kepada pihak yang telah bersama-sama menjayakan Sambutan Jubli Intan MHBPT.

Jelasnya lagi, majlis yang diadakan pada hari ini bukan sekadar majlis penghargaan, tetapi merupakan satu kesempatan untuk mengenang kembali perjalanan enam dekad sebuah masjid yang menjadi sebahagian daripada kehidupan masyarakat khususnya Daerah Tutong.

Tambahnya, 60 tahun bukanlah satu tempoh yang singkat. Sepanjang enam dekad berkenaan, beribu-ribu sembahyang telah didirikan di masjid ini. Beribu-ribu azan dan iqamah telah dikumandangkan. Berapa banyak ayat suci al-Quran telah dibaca, berapa banyak majlis ilmu telah diadakan, dan berapa ramai anak-anak serta generasi masyarakat yang telah dididik dan dibimbing melalui institusi masjid ini.

MHBPT katanya, bukan sekadar sebuah bangunan tempat menunaikan solat. Ia merupakan sebuah institusi yang berperanan sebagai pusat syiar Islam, pusat pendidikan dan penyebaran ilmu, serta tempat penyatuan

masyarakat.

Awang Mohammad Waiz seterusnya berkata, pelbagai golongan telah disantuni melalui aktiviti-aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan yang dilaksanakan dari semasa ke semasa, daripada golongan kanak-kanak, belia, dewasa, para jemaah dan juga golongan Muslimah. Inilah nilai sebenar sebuah masjid, bukan hanya pada binaannya, tetapi pada sejauh mana ia dihidupkan dengan ibadah, ilmu, ukhawah dan khidmat kepada masyarakat.

Majlis diteruskan dengan penyampaian penghargaan kepada para penaja, yang terdiri daripada syarikat-syarikat swasta, pihak persendirian yang telah menyumbang infak dan wakaf bagi pembangunan dan menaik taraf prasarana MHBPT dan Sambutan Jubli Intan MHBPT yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Seterusnya tetamu kehormat majlis telah menyampaikan cenderamata penghargaan kepada para penaja atau pewakaf serta mantan imam dan bilal-bilal yang pernah berkhidmat di MHBPT.

Majlis berkenaan jugaturut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Hal Ehwal Masjid, ahli-ahli jawatankuasa takmir, belia dan beliawanis Kumpulan Belia Ibadurrahman dan jemaah MHBPT.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderamata kepada tetamu kehormat majlis oleh Ketua Imam dan seterusnya sesi bergambar ramai.

MHBPT telah dirasmikan pada Jumaat, 26 Ogos 1966 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (yang pada waktu itu memegang gelaran Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah).

Jasa pengasas, pemimpin KKMB, SKM serta tenaga pendidik dihargai

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERIBI, Ahad, 27 September. - Koperasi Kesuma Mekar Berhad (KKMB) dan Sekolah Kesuma Mekar (SKM) telah mengadakan Majlis Sambutan Jubli Perak Penubuhan KKMB dan Hari Guru dengan penuh meriah bagi menghargai jasa, pengorbanan dan sumbangan para pengasas, pemimpin KKMB dan SKM serta tenaga pendidik dalam membentuk generasi masa depan negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Bangunan Ibu Pejabat, Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Kompleks Pengakap Jalan Gadong, Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan.

Terdahulu, Pengerusi Lembaga Pengelola SKM, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dalam ucapan alu-aluannya mengongsikan bahawa setakat ini, seramai 357 orang berdaftar di sekolah berkenaan.

Jelasnya lagi, pada masa ini KKMB sedang giat membuat perancangan dengan melantik arkitek bagi mereka bentuk sebuah bangunan sekolah kekal dengan tujuan untuk membina sebuah sekolah rendah di Kampung Lugu.

Acara kemuncak bagi majlis berkenaan ialah penyampaian Anugerah Khas kepada pengasas-pengasas KKMB, mantan pengerusi dan guru besar, ahli lembaga, guru dedikasi dan murid SKM yang cemerlang dalam Penilaian Sekolah Rendah (PSR) yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Majlis turut diserikan lagi dengan beberapa persembahan oleh murid-murid SKM.



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Sambutan Jubli Perak Penubuhan KKMB dan Hari Guru.

Konvokesyen Program Ikon Mualaf raikan pencapaian peserta

Oleh : Nurdiyanah Rajami

Foto : Nurdiyanah Rajami, Ihsan Pusat Da'wah Islamiah



PEMANGKU Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin menyampaikan sijil dan hadiah kepada salah seorang penerima.

PULAIE, Ahad, 27 September. - Belia Mualaf As-Syadah dengan kerjasama Urus Setia Program Keugamaan Belia, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), telah mengadakan Majlis Konvokesyen Program Ikon Mualaf 2.0: Jalan Lima bagi Tahun 1447-1448 Hijrah bersamaan 2026 Masihi yang berlangsung di Dewan Persidangan, PDI, Kampung Pulaie, di sini.

Majlis konvokesyen berkenaan menandakan penutupan rasmi Program Ikon Mualaf 2.0: Jalan Lima, yang telah dilaksanakan selama lima bulan dengan memberi penekanan kepada pengembangan ilmu, pembinaan keyakinan diri, pengukuhan kemahiran serta pemerkasaan potensi belia mualaf.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Jabatan Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahuddin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Muhammad Fazeerul Dhawi bin Abdullah Tikom, diikuti dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 102 hingga 104, oleh Awang Muhammad Aldey Yusriman bin Abdullah Adnan. Inti sari ayat-ayat tersebut kemudiannya disampaikan oleh Dayang Nurhafizah binti Rosli, peserta Program Ikon Mualaf 2.0.

Majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Belia Mualaf As-Syadah, Dayang Nurul Huda binti Muhammad Ashraf. Dalam ucapan tersebut, beliau mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para peserta atas kesungguhan, semangat dan komitmen yang telah dicurahkan sepanjang mengikuti Program Ikon

Mualaf 2.0: Jalan Lima.

Dayang Nurul Huda turut berharap agar segala usaha dan penglibatan para peserta sepanjang program berkenaan menjadi sesuatu yang besar nilainya di sisi Allah Subhanahu Wata'ala serta dapat terus memberi manfaat kepada komuniti mualaf dan masyarakat secara keseluruhannya.

Majlis kemudiannya disusuli dengan ucapan daripada tetamu kehormat majlis, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani yang antaranya berkata bahawa majlis konvokesyen berkenaan bukan sekadar menandakan berakhirnya sebuah program, malah merupakan satu pencapaian serta ruang untuk meraikan perjalanan para peserta dalam menimba ilmu, membina keyakinan diri, mengembangkan potensi dan mengeratkan ukhuwah sesama mereka.

"Segala ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh sepanjang program ini hendaklah dijadikan bekal untuk terus melangkah ke hadapan. Jangan takut untuk mengambil peluang, mencuba perkara baharu dan terus memperbaiki diri," ujar beliau.

Pengiran Ahmad Faris Ramadhani seterusnya menzahirkan harapan agar program berkenaan dapat melahirkan lebih ramai belia mualaf yang berkeyakinan, berilmu, berakhlak mulia dan bersedia untuk tampil ke hadapan sebagai individu yang mampu menjadi contoh yang baik kepada masyarakat.

Acara diteruskan dengan penutupan rasmi Program Ikon Mualaf 2.0: Jalan Lima oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan tayangan video yang memaparkan perjalanan dan aktiviti program sepanjang tempoh pelaksanaannya.

Seterusnya, keputusan Penilaian Ikon Mualaf 2.0 diumumkan oleh Ketua Urus Setia Program Keugamaan Belia, PDI, Awang Isham bin Ismail.

Tetamu kehormat majlis kemudiannya menyampaikan sijil dan hadiah kepada para peserta Program Ikon Mualaf 2.0: Jalan Lima. Penyampaian turut disusuli dengan sijil dan cenderahati penghargaan kepada para penaja, penceramah, asatizah Urus Setia Program Keugamaan Belia serta Ahli Jawatankuasa Berdedikasi sebagai tanda penghargaan atas sumbangan dan komitmen dalam menjayakan program berkenaan.

Majlis diakhiri dengan bacaan

Tasbeih Kaffarah dan Surah Al-Asr yang dipimpin oleh Awang Muhammad Aldey Yusriman.

Dengan berlangsungnya majlis tersebut, maka secara rasminya berakhirhlah Program Ikon Mualaf 2.0: Jalan Lima bagi Tahun 1447-1448 Hijrah bersamaan 2026 Masihi, yang dihasratkan untuk terus menjadi salah satu wadah dalam memperkasa belia mualaf melalui pengukuhan ilmu, kemahiran, keyakinan diri, kepimpinan dan ukhuwah.

Emiral Duo juara Pertandingan Vibe Duo

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Daudin

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Sabtu, 26 September. - Emiral Duo muncul juara pertandingan nyanyian Vibe Duo, sekali gus membawa pulang hadiah wang tunai BND3,000 berserta trofi, sijil dan sebuah rakaman lagu baharu.

Naib juara disandang oleh NQ Duo, yang membawa pulang wang tunai BND2,500 berserta trofi dan sijil. Sementara itu, Crescenduo menduduki tempat ketiga dan membawa pulang wang tunai BND2,000 berserta trofi dan sijil.

Pertandingan Peringkat Akhir Vibe Duo yang diadakan malam tadi di Dewan Teater, Jabatan Perdana Menteri (JPM), dianjurkan oleh Radio Televisyen Brunei (RTB) bagi menentukan pasangan terbaik dalam pertandingan nyanyian berkonsepkan persembahan secara *duo*.

Pada malam yang sama, NQ Duo memenangi persembahan terbaik, sekali gus membawa pulang wang tunai BND1,000 berserta trofi dan sijil.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali.

Juga hadir, Pemangku Pengarah RTB, Cheong Chee Keong; pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan daripada RTB, serta orang ramai.

Vibe Duo merupakan sebuah pertandingan nyanyian yang mengetengahkan konsep persembahan secara berduet dengan menggandingkan penyanyi yang telah berpengalaman dengan penyanyi baharu.

Pertandingan tersebut menjadi platform bagi mengembangkan bakat dalam bidang seni suara, di samping meningkatkan mutu vokal, penampilan dan persembahan pentas melalui bimbingan mentor.

Seramai 38 pasangan telah tampil menjalani sesi uji bakat, dengan hanya 12 pasangan berjaya dipilih berdasarkan penilaian barisan juri profesional.

Kesemua pasangan terpilih kemudiannya dibahagikan di bawah bimbingan empat orang mentor, iaitu Dila Junaidi, Dayat Ahim, Ezah Hashim dan Andie Othman, yang berperanan memberikan bimbingan dan tunjuk ajar dalam usaha meningkatkan mutu persembahan para peserta.

Setelah melalui beberapa peringkat pertandingan dan sesi penyingkiran, enam pasangan berjaya melangkah ke peringkat akhir untuk bersaing merebut gelaran juara Vibe Duo.

Pada peringkat akhir, para finalis berentap menerusi dua pusingan persembahan, merangkumi lagu pilihan mentor dan lagu pilihan juri.

Pasangan finalis tersebut adalah Dwitara, NQ Duo, Jasmars, Emiral Duo, Crescenduo dan Zaira.

Pertandingan Vibe Duo antara lain bertujuan melahirkan lebih ramai artis tempatan dalam bidang nyanyian berkumpulan serta mengasah bakat baharu menerusi bimbingan dan latihan vokal bagi memperkukuh kemahiran persembahan pentas.

Para penaja terdiri daripada Baiduri Bank Sdn. Bhd., Hua Ho Department Store dan disokong oleh Dboxeo.

Turut membuat persembahan pada rancangan berkenaan ialah artis-artis undangan iaitu Dila Junaidi, Dayat Ahim, Ezah Hashim dan Andie Othman.

Siaran langsung Peringkat Akhir Vibe Duo turut disiarkan menerusi RTB Aneka dan RTBGo bermula pukul 7.50 malam.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam), JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali semasa menyempurnakan penyampaian hadiah kepada juara.

49 TERIMA ANUGERAH DEAN'S LIST 2026



Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

TUNGKU LINK, Sabtu, 26 September. - Sebagai salah satu usaha bagi mengiktiraf kecemerlangan akademik para mahasiswa dan mahasiswi, Universiti Teknologi Brunei (UTB), petang tadi telah mengadakan Majlis Penyampaian Anugerah Dean's List 2026 berlangsung di Dewan Serbaguna universiti berkenaan.

Seramai 49 pelajar daripada pelbagai fakulti dan sekolah telah menerima anugerah masing-masing di atas kecemerlangan yang telah diraih.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Naib Canselor UTB, Profesor Madya

Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra. Turut hadir, pegawai-pegawai utama UTB, tenaga akademik serta keluarga para penerima.

Semasa menyampaikan ucapan alu-aluan, Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik), Dr. Hajah Ena Kartina binti Haji Abdul Rahman menekankan bahawa pencapaian dalam Anugerah Dean's List mencerminkan dedikasi, disiplin, ketekunan dan komitmen terhadap pengajian.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa anugerah tersebut bukan sahaja mengiktiraf keputusan yang telah diraih, malah ia turut menghargai usaha dan keazaman

NAIB Canselor UTB, Profesor Madya Pengiran Dr. Mohamad Iskandar bin Pengiran Haji Petra hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penyampaian Anugerah Dean's List 2026 yang diadakan di Dewan Serbaguna universiti berkenaan.

yang dicurahkan oleh para pelajar dalam mencapai kejayaan berkenaan.

Seterusnya beliau juga turut mengiktiraf kejayaan tersebut merupakan sumbangan para pensyarah, tenaga akademik, keluarga dan rakan-rakan dalam memberikan sokongan kepada kejayaan para pelajar.

Pada majlis tersebut, setiap penerima anugerah menerima pingat dan sijil yang disampaikan oleh dekan masing-masing, mewakili fakulti dan pusat yang merangkumi Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Perniagaan, Fakulti Pengkomputeran dan Informatik, Fakulti Sains Gunaan dan Matematik, Fakulti Reka Bentuk serta Pusat Komunikasi, Pengajaran dan Pembelajaran.

Majlis Penyampaian Anugerah Dean's List 2026 mencerminkan komitmen UTB dalam menyemai kecemerlangan akademik, inovasi serta pembangunan pelajar secara holistik.

سرولاهرموني

مقرر كاسا بودايا كرجا يغ صيحت دان سجهترا

جماعه يغ درحمي الله،

بر تقوى له كيت كحضرة الله سُبحانه وَتعالى دغن منيكتنن كليمائن كفتد. سسوغكوهن اورغ يغ قالغ مليا دسيسى الله سُبحانه وَتعالى ايت ايله اورغ يغ قالغ بر تقوى. موده-مودهن كيت منجادي انسان يغ سنتياس مغايغي الله سُبحانه وَتعالى، براوله كجيان دان كسلامتن دنيا دان جوك داخيرة.

جماعه يغ درحمي الله،

منجاري رزقي اتاو بكرجا بوكنله سقندر روتين هارين، بهكن مروفانن امانه دان تغكوغجواب، سام اد سساورغ ايت بكرجا سنديري، دسيكتور عوام ماهوفون دسيكتور سواستا. دالم دنيا فكرجان ماس كيبي، كجاياُن سسيواه اوركانيساسي تيدق سهاروسن داوكور سمات-مات ملالوئي فنجااين ساسرن حاصيل، فرودوكتيويي دان كاوتوغن سمات-مات، تنافي جوك ملالوئي نيلاي، اخلاق سرتا بودايا كرجا يغ دعملكن اوليه وركان.

اوليه ايت، اداله فنتيغ اونتوق كيت موجودكن فرسكيترن كرجا يغ صيحت اكر ستياف اينديويدو دافت ملسايكن توكس دغن سليسا، ميندا يغ تنغ دان معحاصيلكن موتو كرجا يغ بر كواليبي دان برمنفعت. فرسوالنن، افكه لئكه يغ بوليه كيت امبيل اونتوق ممينا فرسكيترن كرجا يغ بنر-بنر صيحت دان سجهترا؟ فرسكيترن كرجا يغ بايك، صيحت دان سلامت بوكن سقندر بركتنوغ كغد رواغ كرجا يغ سليسا، كلغكشن يغ منجوكوفي اتاو كمودهن اساس سقرتي بيليق عبادة دان تاندس يغ برسيه. ليه درفد ايت، اي توروبت مرغكومي كسجهتران جسماني، ايموسي، ميتل دان روحاني ستياف اينديويدو سوفاي مريك دافت ملقسناكن توكس دغن تنغ، برتيندق دغن يقين دان بكرجا دغن فنوه سماغت.

جماعه يغ درحمي الله،

باكي ممستيكن بودايا كرجا يغ صيحت دان سجهترا بنر-بنر دافت دريالياسايكن، براف اسفيك اوتام فرلو دبري فرهاتين، انتاران:

فرتام: اسفيك كسلامتن هندقله داوتاماكن. ثمت كرجا فرلو بيس درفد سبارغ ريسيكو بهاي سرتا دلغكفي دغن كمودهن يغ سلامت.

كدوا: كصيحنن ميتل واجر دبري فرهاتين. كيت هندقله منجاوهي بودايا ساليغ مپاهكن، مرندهكن ريفوتاسي اتاو برسيكف نيكايتف سسام راكن سكرجا. سبالقن، ماريله كيت ممينا سواسان يغ ساليغ مپوكوغ، مهمي دان مغيركاي انتارا ساتو سام لاين.

كتيك: كومونيكاسي يغ برهيمه هندقله سنتياس دعملكن. ستياف اينتركسي دالم اوروسن كرجا هندقله مئكوناكن كات-كات يغ سوفان، جلس دان فروفيسیونل. قد ماس يغ سام، بياساكن ديري اونتوق مندغر دغن هاتي يغ تربوكا سرتا مغيرمي فندغن اورغ لاين، والاوفون بريذا درفد فندغن كيت.

كامفت: هوبوغن كرجا يغ هرموني هندقله سنتياس دقليهارا. اقبيل كيت ساليغ مغيركاي، مغيرمي، بكرجاسام سرتا ريغن تولغ ممبتو انتارا ساتو سام لاين، اكن ملاهيركن سواسان كرجا يغ ليه تنغ دان مپنغن.

كليما: كسلبيغن دالم بكرجا فرلو سنتياس دجاك. فرودوكتيويي سميمغن فنتيغ، نامون كصيحنن دان كسجهتران ديري جوك تيدق بوليه دابايكن.

جماعه يغ درحمي الله،

سسوغكوهن ممينا دان مقرر كاسا فرسكيترن كرجا يغ صيحت دان سجهترا بوكنله ساتو فركارا يغ مستحيل اونتوق دريالياسايكن. اوسها اين تيدق سمستن برمولا دغن فروبهن يغ بسر اتاو درستيكن، سبالقن جوكوف برمولا درفد ديري كيت سنديري يايت ملالوئي توتوركات يغ بايك، سيكف ساليغ مغيرمي سرتا كيجقسناان دالم مغاول ايموسي دان تكنن. اقبيل ثمت كرجا براد دالم كادان سليسا دان سلامت، سرتا ستياف وركا كرجا براس دهركاي دان دفرجاياي، مريك بوكن سقندر ميمفورناكن توكسن يغ دبريكن، ماله مريك اكن ملقسناكن دغن اخلاص، فنوه راس تغكوغجواب دان كوميتن يغ تيغكي. اخيرن، ماريله كيت موهون كحضرة الله سُبحانه وَتعالى اكر ستياف فكرجان يغ كيت لقسناكن دبركي دان دكورنياكن رزقي يغ حلال لاكي بايك سرتا دليمهي كبركن. سموك سكل اوسها دان فغوربانن كيت فد هاري اين بوكن سهاج مپواهكن كجاياُن دنيا، بهكن منجادي جهاي يغ منرغي فرجالنن كيت منوجو اخيرة كلق. آمين يا رب العالمين.

مك ماكنله يغ حلال لاكي بايك درفد رزقي يغ الله تله كورنياكن كغد كامو (واهاي اورغ-اورغ يغ برلمان) دان شوكوريله نعمت الله ايت جك بنر كامو هان برعبادة كفتد. {سورة النحل آية ١١٤}

بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا قُورَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ النَّائِبِينَ.

USAHA KOLABORATIF MELESTARIKAN WARISAN BUDAYA



PENYERTAAN Negara Brunei Darussalam dalam pencalonan Tarian Zapin ke dalam Senarai Warisan Budaya Tak Ketara Kemanusiaan UNESCO telah diumumkan oleh Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan melalui sidang media baru-baru ini.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BERAKAS, Sabtu, 26 September. - Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan (KKBS) telah mengumumkan penyertaan Negara Brunei Darussalam (NBD) dalam pencalonan Tarian Zapin ke dalam Senarai Warisan Budaya Tak Ketara Kemanusiaan UNESCO.

Pencalonan tersebut melibatkan usaha di antara beberapa negara termasuk Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura bagi kitaran penilaian tahun 2028.

Perkara tersebut dikongsikan semasa sidang media yang berlangsung di Kementerian tersebut pagi tadi.

Menurut Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, KKBS, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit, pencalonan tersebut melambangkan prinsip kerjasama antarabangsa, memupuk dialog dan usaha kolaboratif yang berkongsi warisan budaya yang sama.

Tambahnya, kerjasama ini

mencerminkan sebuah komuniti kolektif yang melangkaui sempadan geografi dan kebangsaan, sambil turut menzahirkan dialog berterusan antara variasi Zapin, termasuk Zapin, Jipin, Jepin, Japin, Dana, Dincak Dambus dan Gambusan, sepertimana yang telah berkembang di NBD, Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura.

Di NBD jelasnya, tradisi serumpun ini dikenali sebagai Jipin Brunei, merangkumi variasi seperti Jipin Laila Sembah dan Jipin Susun Sireh.

Jipin Brunei tersendiri dengan koreografinya yang halus dan sopan, pergerakan kaki dan gerak isyarat yang seragam dipersembahkan oleh pasangan penari, diiringi alat muzik gambus, biola dan gendang, kadang-kadang ditambah dengan ensembel gulintangan.

Tambahnya, Jipin lazimnya dipersembahkan pada

majlis-majlis keramaian, perkahwinan dan sambutan kebangsaan, dan terus dipersembahkan oleh kumpulan kebudayaan kebangsaan seperti Senandung Darussalam di persada serantau dan antarabangsa.

Inisiatif pencalonan ini, ujarnya, dibina atas asas kerjasama serantau yang telah lama terjalin, sebagaimana dibuktikan oleh pelbagai festival dan persembahan budaya di kalangan Negara-negara Pihak (State Parties) yang menyertai, termasuk platform serantau yang telah mempersembahkan Jipin NBD bersama tradisi Zapin dari negara-negara jiran.

Sejak akhir tahun 1990-an sehingga kini, kerjasama antara negara melalui festival-festival berkaitan Zapin di Republik Indonesia, Malaysia dan Republik Singapura telah menjadi penanda aras kerjasama serantau dalam kalangan Negara-negara Pihak (State Parties) yang berkongsi warisan yang sama.

Negara juga pada masa yang



sama berusaha memelihara Jipin sedang giat dijalankan menerusi kumpulan budaya yang disokong oleh KKBS, latihan di peringkat komuniti oleh pengamal budaya, serta persembahan berterusan dalam acara kebangsaan, sekolah dan perayaan-perayaan komuniti.

Melalui penyertaan dalam pencalonan multinasional ini, NBD berhasrat mempertingkatkan keterlihatan global Jipin / Zapin.

Zapin adalah warisan budaya hidup yang dinamik yang mendalam kepada masyarakat Melayu Islam di rantau maritim Asia Tenggara, dan bukan sekadar persembahan. Ia merupakan tradisi hidup masyarakat Islam di seluruh rantau maritim, disertai oleh Negara-negara Pihak (State

Parties) yang menyertai berkongsi asal usul dan pengalaman budaya yang saling berkaitan. Zapin diamalkan sebagai gabungan yang utuh antara muzik, nyanyian, tarian dan hasil daripada penghibridan antara Zafin Hadhrami dengan tradisi tempatan.

NBD mengalu-alukan peluang untuk berkongsi pengalaman dan menggalakkan pertukaran idea dalam kalangan komuniti, kumpulan seni dan tarian, serta jabatan-jabatan kerajaan, termasuk kemungkinan kerjasama di peringkat komuniti - seperti melalui pertandingan tarian serantau - yang akan terus dibincangkan dan disahkan bersama pihak berkepentingan yang berkaitan.

Program Sivik NBD Kali Kedua tutup tirai

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 September. - Program Sivik Negara Brunei Darussalam Kali Kedua bagi Tahun 2025/2026 menutup tirainya petang tadi dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada para peserta yang berlangsung di Dewan Auditorium, Jabatan Penerangan.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan sijil-sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh peserta program, Awang 'Abdul Majid bin Haji Shazli yang merupakan graduan dari Universiti Al-Azhar Mesir.

Sementara itu, Ketua Peserta Program Sivik, Awangku Mohammad Ammar Zakwan bin Pengiran Mohammad Ariffin, yang merupakan graduan dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) dalam ucapannya antara lain menyatakan bahawa para peserta telah menjalani satu perjalanan yang

amat bermakna dan penuh dengan pengajaran berharga melalui taklimat dan lawatan sepanjang program ini. Pengisian program ini amat menyeluruh dan komprehensif, merangkumi aspek kenegaraan, keagamaan, kemasyarakatan dan ekonomi yang menyokong pencapaian Wawasan Brunei 2035.

Sepanjang program ini, para peserta berpeluang mendengarkan taklimat daripada Jabatan Penerangan, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pejabat Sekretariat Majlis Tertinggi Melayu Islam Beraja, Kementerian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Kementerian

Hal Ehwal Ugama; Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) dan Empowerior Academy & Consultancy.

Para peserta juga mengikuti aktiviti kerja berkumpulan (*team building*) kendalian Jabatan Belia dan Sukan; sesi perkongsian bersama usahawan dan pencipta kandungan tempatan, serta mengadakan lawatan ke beberapa institusi dan organisasi seperti Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Tentera Laut Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan Anson International Sdn. Bhd., Pulau Muara Besar.

Sebagai usaha untuk memupuk kesedaran sivik dan semangat kesukarelawanan dalam kalangan peserta, program ini turut menyelitkan aktiviti kemasyarakatan dengan mengadakan kempen kebersihan di Pantai Siandang, Jerudong diikuti dengan aktiviti bersama masyarakat Kampung Jerudong 'B', antaranya permainan gasing serta pembuatan makanan

tradisional seperti kelupis dan Dalamu.

Di samping memberikan kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan matlamat negara, program ini juga dirancang untuk mempersiapkan generasi masa hadapan sebelum mereka melangkah ke alam pekerjaan dengan memberikan pendedahan tentang nilai-nilai kenegaraan, kepimpinan dan tanggungjawab sosial.

Selain itu, program ini dihasratkan dapat memberikan pengalaman baharu kepada para peserta, termasuk memperkenalkan mereka kepada perbezaan sosiobudaya, fahaman dan adat resam yang boleh mempengaruhi gaya hidup mereka.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan juga ibu bapa serta penjaga.

Para peserta program kali ini terdiri daripada lepasan ijazah dan mahasiswa / mahasiswi dari Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah serta mahasiswa-mahasiswi dari institut pengajian tempatan dan yang menjalani penempatan kerja di jabatan ini.



MAJLIS penyampaian sijil berkenaan telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

RB METERAI KONTRAK 12 TAHUN BERSAMA COLLINS AEROSPACE

Siaran Akhbar dan Foto : Royal Brunei Airlines

REPUBLIK SINGAPURA, Sabtu, 26 September. - Collins Aerospace, sebuah perniagaan di bawah RTX (NYSE: RTX), telah memeterai dua kontrak selama 12 tahun dengan Royal Brunei Airlines (RB) bagi menyediakan perkhidmatan FlightSense™ dan DispatchSM untuk armada Boeing 787 milik syarikat penerbangan tersebut, termasuk pesawat sedia ada dan akan datang.

Penyelesaian ini akan meningkatkan kecekapan operasi syarikat penerbangan, mempertingkatkan kebolehpercayaan serta mengoptimalkan jadual penyelenggaraan bagi beberapa sistem, termasuk avionik, kargo, bekalan kuasa elektrik, kawalan persekitaran dan pencahayaan.

FlightSense dan Dispatch menyediakan jaminan ketersediaan komponen, mengurangkan masa henti operasi serta memberikan kebolehramalan kos melalui model perkhidmatan berkadar tetap. Di bawah perjanjian jangka panjang tersebut, Collins

akan menyediakan penyelenggaraan berasaskan ramalan dan kebolehpercayaan bagi mengoptimalkan prestasi sistem avionik, di samping sokongan aset dan logistik serta akses kepada alat ganti yang diperakui dan komponen yang telah dibaiki.

"Penyelesaian selepas jualan kami terus memberikan nilai yang signifikan kepada pengendali Boeing 787 di rantau Asia Pasifik.

"Dengan ekosistem data bersepadu melalui FlightSense serta penyelenggaraan avionik secara proaktif yang disokong di peringkat global melalui Dispatch, RB akan berada pada kedudukan yang kukuh untuk mencapai prestasi armada yang tinggi," jelas Naib Presiden Aftermarket, Power & Controls, Collins Aerospace, Jen Latka.

Menurut Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif RB, Kolonel Norsuriati binti Haji Sharbini, "Seiring usaha kami untuk terus mengoptimalkan operasi dan memperkukuh rangkaian

perkhidmatan, mengekalkan armada Boeing 787 yang sangat dipercayai dan cekap kekal sebagai keutamaan utama RB".

Penyelesaian FlightSense dan Dispatch daripada Collins Aerospace menyediakan kepayaan penyelenggaraan ramalan yang canggih, kepakaran teknikal serta sokongan global yang akan membantu memaksimumkan ketersediaan armada, meningkatkan kecekapan operasi dan mempertingkatkan kebolehramalan kos jelasnya.

Tambahnya, perjanjian ini mengukuhkan komitmen kami terhadap kecemerlangan operasi, meminimumkan gangguan serta membolehkan kami terus menyediakan pengalaman perjalanan yang selamat, lancar dan boleh dipercayai kepada para penumpang kami.

FlightSense merupakan program sokongan penyelenggaraan sepanjang kitar hayat yang menyediakan penyelesaian penyelenggaraan yang disesuaikan dengan keperluan operasi syarikat penerbangan.

Program ini dikuasakan oleh



DUA kontrak selama 12 tahun bagi menyediakan perkhidmatan FlightSense™ dan DispatchSM untuk armada Boeing 787 telah dimeterai antara Collins Aerospace dengan Royal Brunei Airlines.

platform analitik Ascentia® milik Collins, yang mengumpul, menganalisis dan mentafsir berjuta-juta titik data pesawat bagi mengenal pasti trend

prestasi, mencadangkan tindakan penyelenggaraan serta menyediakan maklumat yang dapat meningkatkan operasi armada.

SMR raih tempat ketiga dalam SEAMEO-Japan ESD Award

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 September. - Kementerian Pendidikan melalui Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Pusat STEP) telah menyelaras penyertaan sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam ke Pertandingan SEAMEO-Japan Education for Sustainable Development (ESD) Award 2026.

Daripada penyertaan tersebut, Sekolah Menengah Rimba (SMR) telah berjaya meraih tempat ketiga dalam SEAMEO-Japan ESD Award 2026 menerusi projek pelajar yang bertajuk, 'RimbaScan: From Using AI to Thinking with AI – Student-Built Offline AI for Plant Learning, Human Agency and Sustainable Futures'.

SEAMEO-Japan ESD Award 2026 bertemakan 'Learning and Well-being for Sustainable Futures: Leveraging the Power of AI'

dianjurkan oleh Southeast Asian Ministers of Education Organization (SEAMEO) dengan kerjasama Ministry of Education, Culture, Sports, Science and Technology (MEXT), Jepun serta sokongan UNESCO Bangkok.

Sebanyak 160 buah sekolah daripada sembilan buah negara Asia Tenggara telah menyertai pertandingan ini, dengan tujuh buah sekolah terpilih ke peringkat akhir yang merangkumi pembentangan dan sesi soal jawab secara dalaman.

Projek RimbaScan dicipta dan dikembangkan oleh pelajar-pelajar SMR iaitu Ahmad Khairi Zakwan bin Haji Muhd. Marzuki, Md. Noor Ghazi Afif bin Md. Noor Faizan, Muhammad Danny Daniel bin Abdullah dan Ahmad Razeen bin Adi Shahreen, di bawah bimbingan Pegawai Pelajaran sekolah tersebut, Lena Ang Yan Ping.

Prinsip utama RimbaScan ialah AI menyokong pertimbangan manusia dan bukan menggantikannya. Dalam aktiviti pembelajaran, pelajar terlebih dahulu membuat pemerhatian dan ramalan sendiri sebelum menggunakan AI.

Mereka kemudiannya membandingkan keputusan AI dengan bukti, menilai tahap keyakinan, membuat pengesahan apabila diperlukan dan membuat keputusan akhir berdasarkan pertimbangan sendiri. Pendekatan ini membantu memupuk pemikiran kritis, penggunaan bukti, keyakinan diri, agensi manusia serta kefahaman yang bertanggjawab terhadap keupayaan dan batasan AI.

Pendekatan tersebut selaras dengan tema SEAMEO-Japan ESD Award 2026 yang menekankan penggunaan AI secara beretika dan berhemah bagi memperkukuh pembelajaran dan kesejahteraan, di samping menangani cabaran kelestarian dunia sebenar. Anugerah ini turut memberi penekanan kepada kepimpinan pelajar, kerjasama komuniti, kesinambungan serta impak yang dapat ditunjukkan.

Pengiktirafan SEAMEO-Japan ESD Award 2026 ini menjadi satu lagi pencapaian penting dalam perkembangan berterusan RimbaScan. Pasukan projek merancang untuk memperluaskan pelaksanaan di bilik darjah, memperkukuh pengesahan bersama petani dan pakar, membangunkan lebih banyak bahan pembelajaran berkaitan tanaman dan biodiversiti serta menghasilkan sumber pengajaran yang boleh digunakan oleh kumpulan pelajar pada masa akan datang.

RIMBASCAN yang dicipta dan dikembangkan oleh pelajar-pelajar Sekolah Menengah Rimba di bawah bimbingan Pegawai Pelajaran sekolah tersebut berjaya meraih tempat ketiga dalam SEAMEO-Japan ESD Award 2026.

Tingkatkan penghayatan, amalan ibadah para mualaf

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah



PROGRAM Tadabbur Al-Quran berkenaan telah mengambil tempat di Dewan Persidangan, Pusat Da'wah Islamiah, disertai oleh para mualaf dari seluruh negara.

BERAKAS, Sabtu, 26 September. - Dalam usaha meningkatkan kefahaman para mualaf terhadap mesej utama serta makna tersirat yang terkandung dalam Surah Al-Fatihah, Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Bimbingan Mualaf (Tarbiyah Mualaf) telah menganjurkan Program Tadabbur Al-Quran Bersama Mualaf, pagi tadi.

Program Tadabbur Al-Quran Bersama Muallaf : 'Surah Al-Fatihah : 7 Ayat, Sejuta Makna' tersebut berlangsung di Dewan Persidangan, PDI dan disertai oleh para mualaf dari seluruh negara. Sesi *tadabbur* disampaikan oleh Pegawai Ugama, PDI, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Program berkenaan antara lain bertujuan untuk membantu para mualaf menghayati nilai-nilai tauhid yang terkandung dalam Surah Al-Fatihah sebagai asas dalam memelihara akidah, di samping mengukuhkan keyakinan terhadap keesaan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, penganjuran program berkenaan turut bertujuan untuk membina sebagai asas dalam memelihara akidah, di samping mengukuhkan keyakinan terhadap keesaan dan kekuasaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Usaha tersebut diharap dapat memperkukuh akidah, meningkatkan penghayatan serta amalan ibadah para mualaf, seterusnya memupuk keyakinan dan kebergantungan sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Penganjuran program itu juga memberi penekanan kepada usaha memperkukuh kefahaman, penghayatan dan kecintaan para mualaf terhadap Al-Quran.

Di samping membantu peserta meningkatkan kemahiran membaca Al-Quran, program berkenaan turut menitikberatkan pemahaman terhadap kandungan, mesej dan pengajaran yang terkandung di dalamnya.

Pada masa yang sama, kepentingan menuntut ilmu secara berguru turut ditekankan bagi memastikan setiap kefahaman yang diperoleh bersumberkan ilmu yang sahih serta berpandukan bimbingan yang berautoriti.

Kejayaan ini menyusuli beberapa pencapaian terdahulu RimbaScan sejak mula diciptakan pada tahun 2025 di peringkat kebangsaan, serantau dan antarabangsa, antaranya ialah pengiktirafan dalam ASEAN Youth Camp 2025 AI Hackathon for Green Sustainability, Merit Award dalam Kategori Sekolah Menengah Brunei ICT Awards (BICTA) 2025, tempat keempat dalam pertandingan anjuran Pusat STEP

R.E.A.L. Learning Competition 2025, dua pngat gangsa dalam Kategori Special Award for the Application of STEM Concepts dan Special Award for Commercial Potential di 14th Regional Congress Search for SEAMEO Young Scientists Programme 2025/2026 dan Merit Award dalam Kategori Sekolah Menengah BICTA 2026 menerusi Projek RimbaScan 2.0: Smart AI Plant Assistant.





**JABATAN RADIO
TELEVISYEN BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 125 / 26 - 27 –
Supply And Delivery Of Fog And
Haze Machine For TV Studio

**Bilangan dan Tajuk Sebut
Harga:**

RTB / K / 126 / 26 - 27 –
Supply And Delivery Of Media
Storage And Recorder FOR ENG

Bayaran Yuran:

BND5.00
(Tidak dikembalikan)
(Termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:

BND 5.00 (Jika perlu dan tidak
dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu,
30 September 2026
Jam 2.00 Petang



Notis Sebut Harga

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

RTB / K / 116 / 26-27
Rental & Operate Of LED Screen;
Fabricate,
Install & Dismantle Of Backdrop
With Lightings For Quiz Show TV
Programme

Bayaran Yuran:

BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
(Termasuk E-Dokumen)

Salinan Kertas:

BND5.00
(Jika Perlu dan Tidak
Dikembalikan)
(Hardcopy)

Tarikh Tutup:

Rabu,
30 September 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Pemberitahuan Tawaran

JPt / TAW / 14 / 2026-2027:
Term Contract For Comprehensive
Maintenance Of BSL-3 Facilities
And
Air-Conditioning Systems At
Bangunan Makmal Perkhidmatan
Veterinar, KKP Terunjing For
Three (3) Years.
(Yuran Tawaran BND30.00 |
Borang Tawaran BND15.00)

**Tidak lewat dari jam 2.00 Petang
pada Selasa, 27 Oktober 2026.**

Website:

<http://www.agriculture.gov.bn>



JPt / SH / 76 / 2026-2027

Kerja Meroboh Bangunan Stor
White Phosphorus (JKR 2089) Di
Pusat Penyelidikan Pertanian
Brunei (BARC) Kilanas,
Negara Brunei Darussalam

JPt / SH / 77 / 2026-2027

Preventive Maintenance Service
And Repair Of Built-In Equipment
(Comes With Building) In The
Pathology Laboratory, Veterinary
Laboratory Services, KKP
Terunjing For One Year

JPt / SH / 78 / 2026-2027

To Perform Off-Site Calibration For
Single-Channel And Multi-Channel
Pipettes And Multipette In The
Scope Of ISO/IEC 17025
Accreditation At Veterinary
Laboratory Services

JPt / SH / 79 / 2026-2027

To Perform On-Site And Off-Site
Calibration Of Laboratory
Instrument And Equipment In The
Scope Of ISO/IEC 17025
Accreditation At Veterinary
Laboratory Services

JPt / SH / 80 / 2026-2027

Perkhidmatan Pemantauan



Penanaman Padi Menggunakan
Dron Serta Data Analytics Dan
Penyediaan Digital Platform Bagi
Rekod Ladang Padi

JPt / SH / 81 / 2026-2027

To Perform Certification On
Biosafety Cabinets Class II And
III, Fumehood, PCR Cabinets,
Laminar Flow & Balance
Enclosure Cabinets At Veterinary
Laboratory Services

JPt / SH / 83 / 2026-2027

Membekal, Menghantar Dan
Menyediakan Jamuan Makanan
Sempena Hari Peladang, Petani,
Penternak Dan Nelayan
(HPPPN) 2026

Borang Sebut Harga:

BND7.00

**Tidak lewat dari
jam 2.00 Petang
pada Khamis,
22 Oktober 2026.**



**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

(96) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)
Servicing Lima (5) Kenderaan
Jabatan Penerangan

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**

(97) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)
Kerja Penyelenggaraan Tiga (3)
Kenderaan Jabatan Penerangan

Yuran:

Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:

Khamis, 24 September 2026
Sebelum Jam 8.00 Pagi

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**

(98) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)
Supply, Delivery, Dismantling,
Installation, Setup, Testing And
Commissioning Of Additional
CCTV Camera System Phase III
At Jabatan Penerangan.

Yuran:

Dikenakan Bayaran
Sebanyak BND5.00

Tarikh Tutup:

Khamis, 1 Oktober 2026,
Sebelum Jam 8.00 Pagi



**JABATAN KEMAJUAN
PELANCONGAN
KEMENTERIAN EKONOMI,
PERDAGANGAN DAN INDUSTRI**

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:

JKP / JKSH / 2026-2027 / 25
Provision And Implementation Of
Organisational Team Development
Programme For The Tourism
Development Department



KEMENTERIAN PERTAHANAN

**Rujukan Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / 012 - TL [JPPK / LTK /
24 / 2026]

Twelve (12) Months
Janitorial Services At
Muara Naval Base

**Rujukan Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**

MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / 013 - TL [JPPK / LTK / 25 /
2026]

Twelve (12) Months
Grass Cutting Works At
Muara Naval Base

Kelas:

III dan Ke Atas

Kategori:

S02

Yuran Tawaran:

BND30.00(Tidak Dikembalikan)

**Rujukan Bilangan Dan
Tajuk Tawaran:**



Tarikh Tutup Tawaran:

Khamis,
1 Oktober 2026,
Jam 2.00 Petang

MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / 014 - TL [JPPK / LTK / 26 /
2026]

Twelve (12) Months Landscaping
Works At Muara Naval Base

Kelas:

III dan Ke Atas

Kategori:

KPB12

Tempoh Penyiapan Kerja:

Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:

BND10.00(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Isnin, 19 Oktober 2026

Tarikh Tutup Tawaran:

Selasa, 27 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



**PERATURAN
PENGIKLANAN**

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*)
hendaklah dihantar dan diterima oleh
Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK
kurang dari empat (4) minggu dan
iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari
dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan
dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah
dibaca menggunakan **Microsoft Word**
dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang
Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar
menggunakan **BAHASA MELAYU
SAHAJA.**



Sila sertakan dokumen-dokumen yang
berkaitan dan nyatakan apa-apa
keperluan iklan berkenaan, seperti
tarikh terbitan untuk diiklankan dan
sebagainya.



Iklan berkenaan bolehlah
dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :

**+673 2383400
sambungan Meja Iklan**



SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA
DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI
MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.


**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

Jemputan Untuk Memberi Tawaran

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / BPP / 056 / 2026

Tajuk:
Maintenance Of Street Lightings For Zone A At Muara Area For A Period Three (3) Years

Tarikh Tutup:
Selasa,

13 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

Yuran Dokumen:
BND50.00
(Tidak Dikembalikan)

Tempat Tutup:
Tender Box
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Basement Two (B2)
Jabatan Perdana Menteri,
Kompleks Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam

Kelayakan:
Pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan mempunyai kategori E01 dan E02 dalam



Kelas 3, 4 atau 5 sahaja

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh dari **Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat 4, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.**


KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
S01-2026 / TVBILIKMESYUARAT / KKBS / UP
Perbekalan, Penghantaran Serta Pemasangan TV Bagi Kegunaan Bilik Mesyuarat At-Taqwa Tingkat 3 Dan Bilik Mesyuarat Annur Tingkat 7 Di Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 8 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



Kenyataan Tawaran

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
28 / SEPT / 2026 / KKBS / PJK / 16.14
Upgrading Works And General Maintenance For Integrated CCTV Surveillance And Gate Barrier System At Ministry Of Culture, Youth And Sports Building, Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 20 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang




**JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(106) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan BG8971 Toyota Prado Land Cruiser 1996, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Bilangan Sebut Harga:
(108) INFO / PK / K / 7

(2026 - 2027)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan BG8972 (TB) Toyota Prado Land Cruiser 1996, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri

Bilangan Sebut Harga:
(109) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)
Kerja-Kerja Penggantian Plat Lesen Baharu Bagi Lima (5) Kenderaan BG, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Bilangan Sebut Harga:
(107) INFO / PK / K / 7
(2026 - 2027)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan BG8967 (TT) Toyota Prado Land Cruiser 1996,



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Yuran:
Dikenakan Bayaran BND5.00

Tarikh Tutup:
Khamis,
1 Oktober 2026,
Sebelum Jam 8.00 Pagi


KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / PERS / TA / 1001
Pembelian Peralatan Muzik Bagi Kegunaan Unit Pancaragam ABDB

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)
Tarikh terakhir bagi pembelian



Borang Tawaran adalah pada, **Selasa 5 Oktober 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
13 Oktober 2026 (Selasa)
Jam 2.00 petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
IV atau V atau VI

Kategori:
E01

Bilangan Tawaran:
JKR / DME / BOP-EM / 31 / 2026

Nama Projek:
Kerja-Kerja Pembaikan Elektrik Dan Penggantian Untuk Royal Lantern Dan Papan Agihan Kompau Dan Lain-Lain Untuk Kediaman VIP Assarra, Istana Edinburgh, Istana Darut Taqwa Dan Kawasan Berkaitan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga:
Selasa,
6 Oktober 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
KA01

Tarikh Tutup Dilanjutkan Sehingga:
Selasa,
6 Oktober 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 025 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja 'ADHOC', Protokol Dan Serta Merta, Daerah Belait.

No. Projek:
2026ADKB / 2106 / 002-001-002

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 022 / 2026

Nama Projek:
Lencongan Paip Untuk 762 MM Saluran Paip Air Bersih Di Loji Rawatan Air Bukit Barun Peringkat 6, Tutong

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
IV, V & VI Sahaja

Kategori:
KA01 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 023 / 2026

Nama Projek:

Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Operasi Loji Rawatan Air Bukit Barun, Tutong (2027-2030)

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
KA01, M03 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 024 / 2026

Nama Projek:
Pembinaan SUMP Tank dan BOOSTER Pump Untuk Di Kg. Mata-Mata, Kg. Jangsak, Kg. Bebuloh, Kg. Masin Dan Kg. Subok

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Kelas:
II & III Sahaja

Kategori:
KA01, M03 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 025 / 2026

Nama Projek:
Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja Operasi Di Stesyen Pengepam Air Utama Zon B Daerah Brunei Muara

Yuran Tawaran:
BND100.00

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Selasa,
29 September 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
6 Oktober 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang





KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / 007-RPK
[JPPK / LTK / 18 / 2026]
Twelve (12) Months Grass Cutting
And Landscaping Works At
Special Forces Regiment,
Penanjong Garrison

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
S02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND10.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 20 Oktober 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Digital Assessment For Student
Learning Survey**

**MOE / LTK / 26 / 2026 / 2027
(JPPP-JULAI-2026)**
Digital Assessment For
Student Learning Survey,
Ministry Of Education,
Negara Brunei Darussalam

**Bayaran Yuran /
Dokumen Tawaran:**
BND35.00
[Bayaran Yuran Tawaran
Sebanyak BND30.00 dan
E-Dokumen Sebanyak BND5.00
Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
E-Dokumen / Tawaran:**
6 Oktober 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup dan Waktu:
13 Oktober 2026 - Selasa
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / RPK-005 [JPPK / LTK /
16 / 2026]
Corrective Repair And
Maintenance Of Mechanical And
Electrical Works At Special Forces
Regiment, Penanjong Garrison

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
E01 & S02

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen:
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Selasa, 20 Oktober 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN PENJARA
KEMENTERIAN HAL
EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Dan Tajuk Tawaran:
18 / JPB / SH / 2026
To Perform General Servicing,
Support Part, Part Replacement,
Modification Work For Kitchen
Cooker Hood

Yuran Tawaran:
BND5.00

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
6 Oktober 2026
tidak lewat dari
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / 008-RPK
[JPPK / LTK / 19 / 2026]
Twelve (12) Months Maintenance
Of Air-Conditioning System At
Special Forces Regiment,
Penanjong Garrison

Kelas:
III dan Ke Atas

Kategori:
M01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Dua Belas (12) Bulan

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak dikembalikan)

Yuran Dokumen:
BND500.00 satu set
(dalam bentuk CD)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah pada
Selasa,
20 Oktober 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

PUSAT SEJARAH BRUNEI
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
3 / SEPTEMBER / 2026 /
PSB / PD.575
Mengubah Suai Pintu Masuk
Utama Bangunan Pusat Sejarah
Brunei, Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
4 / SEPTEMBER / 2026 /
PSB / PD.575
Mengubah Suai Tandas VIP
Dan Orang Kelainan Upaya
Di Bangunan Pusat Sejarah
Brunei, Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
5 / SEPTEMBER / 2026 /
PSB / PD.575
Membekal, Menghantar
Dan Memasang Permaidani
Di Galeri Pameran Bangunan
Pusat Sejarah Brunei Dan
Bangunan Pusat Pengkajian
Borneo, Kementerian
Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
6 / SEPTEMBER / 2026 /
PSB / PD.575
Kerja-Kerja Membaik Pulih

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

**Makluman Sebut Harga
Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD)
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan**

**Bilangan Dan
Tajuk Sebut Harga:**
KKBS / OBBD / F-003 (04-2026)
Re-Quotation Membekal
Peralatan Dan Perkakas Air Bagi
Mengendalikan Kegiatan / Aktiviti
Di Outward Bound Brunei
Darussalam (OBBD),
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 1 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk

Sebut Harga:

02 / KKBS / HK43 -2027
Membekal Kain Rentang
Sambutan Ulang Tahun
Hari Kebangsaan
Negara Brunei Darussalam
Yang Ke-43, Tahun 2027

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
8 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERIMakluman
Iklan Dibatalkan

**Bilangan Tawaran Dan
Keterangan Projek:**
17 / BBS / BPPK / 2026-2027
Three (3) Months Term Contract
Cleaning Services For Public

Toilets Building Jabatan Bandaran
Kuala Belait Dan Seria
1. Tandas Awam Jubli Perak,
Jalan Maulana, Kuala Belait
2. Tandas Awam Kawasan Letak
Kereta Pasar Lama,
Jalan Mckerron Kuala Belait
3. Tandas Awam Gerai Bunga
Simpur, Kuala Belait
4. Tandas Awam Gerai Tudung
Saji, Kuala Belait
5. Tandas Awam Jalan Bunga
Tanjong, Kuala Belait
6. Tandas Awam Gerai Taman
Persiaran, Kuala Belait
7. Tandas Awam Kompleks Sri
Selera Seria, Jalan Bunga
Kemantin, Seria
8. Tandas Awam Bas Terminal
Seria Jalan
Bunga Kuning, Seria

PEJABAT PEGUAM NEGARA
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
PPN / ASET / BUU / CONTRACT
/ 2026 / 9 / 1
Term Contract (12) Months For
Cleaning And Housekeeping
Works Of The Law Building,
Attorney General's Chambers,
Jalan Raja Isteri Pengiran Anak

Kerosakan Di Bangunan Pusat
Sejarah Brunei Dan Bangunan
Pusat Pengkajian Borneo,
Kementerian Kebudayaan,
Belia Dan Sukan

**Bilangan Dan Tajuk
Sebut Harga:**
7 / SEPTEMBER / 2026 / PSB /
PD.575
Perkhidmatan Pengurusan Bagi
Acara Pameran Ristaan Kampong
Ayer Tahun 2026, Kementerian
Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,



Saleha, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup:
Selasa,
29 September 2026



1 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong Yang
Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas: V Sahaja

Kategori: KA01 Sahaja

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa, 6 Oktober 2026

Tarikh Tutup:
Selasa, 8 Disember 2026




Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 028 / 2026

Nama Projek:
Kajian Keselamatan Dan
Kerja-Kerja Membaikpulih
Empangan (Design & Build)

Yuran Tawaran:
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen: BND5.00



BDMD
Brunei Darussalam
Meteorological
Department

**JABATAN KAJIUCUA
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

**Sebut Harga Bagi
Perkhidmatan / Pembekalan:**

**Bilangan dan
Tajuk Sebut Harga:**
JKBD / 2026 / SH-13
Renovation Work For Asset
Maintenance And Stor Unit Office
At The Brunei Darussalam
Meteorological Department
Headquarter

Tarikh Tutup:
Rabu, 14 Oktober 2026
Jam 9.00 Pagi



**Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Jabatan Kajiucua
Brunei Darussalam
Aras Bawah, Blok B23,
Flat Anggerek Desa
Simpang 32-37,
Kampung Anggerek Desa
BB3713,
Negara Brunei Darussalam**



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / ITAU /
T / 018 - PEN (JPPK / LTN /
04/ 2026)
Rehabilitation of Various Buildings
For Rejimen Jurutera Tentera
Diraja Brunei Facilities At
Penanjong Garrison

Kelas:
IV dan Ke Atas

Kategori:
KA01 dan B01

Tempoh Penyiapan Kerja:
Lapan Belas (18) Bulan

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Isnin, 5 Oktober 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
13 Oktober 2026,
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / CAU /
MAB / TA / 001
Pembelian Drone Dan Aksesori
Bagi Angkatan Bersama Angkatan
Bersenjata Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND10.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Selasa, 29 September 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
6 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / RC / 34 (9)
Supply and Tailoring Services for
Gurkha Security Unit - Five (5)
Years Contract

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian
Borang Tawaran adalah seminggu
sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu
Isnin, 19 Oktober 2026.

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
27 Oktober 2026,
2.00 Petang



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
ATELS / 2026 / SH / 18
Leasing Of Portable Push To Talk
Device Bundle With LTE For
Airport Fire Services At Brunei
International Airport

**Tarikh iklan / mengambil
dokumen Sebut Harga:**
Rabu,
23 September 2026

**Tarikh terakhir mengambil
dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
6 Oktober 2026

Tarikh tutup Sebut Harga:
Rabu,
7 Oktober 2026
tidak lewat jam 2.00 Petang

**Kepada:
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam**



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
JPA / ATELS-MAINT / 1107-005
Term Maintenance For DVOR /
DME, ILS / DME, Flight
Calibration, Other Associated
Facilities And Utilities

**Tarikh iklan / mengambil
dokumen Tawaran:**
Isnin,
14 September 2026

**Tarikh terakhir mengambil
dokumen Tawaran:**
Isnin, 26 Oktober 2026

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 27 Oktober 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Kepada:
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Pengangkutan
Dan Infokomunikasi
Jalan Menteri Besar
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam**



KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
(104) PSD / QTN / 2026 / ESTET
- (RIPASH)
Supply And Installation Of CCTV
For Various Location At Raja Isteri
Pengiran Anak Saleha Hospital

Class And Category:
Class I And Above

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
(103) PSD / QTN / 2026 - (SSBH)
To Purchase And Supply Of
Fabrics For Laundry And Linen
Department, Suri Seri Begawan
Hospital, Ministry Of Health
(Non-Clustering)

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
BME / A2K / (1737) / 2026
/ HTD (B8)
To Replace And Install Spare
Parts One (1) Unit Of C-MAC
Intubation Fiberscope For CMOS
Endoscopes, Brand: Karl Storz,
Model: 8403ZX, S/N: NN3293,
BME29652 At Operating Theatre
RIPAS Hospital

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
BME / A2K / (1738) / 2026
/ HTD (B9)
To Supply And Deliver Spare Part
For One (1) Unit Of Root Canal
Obturation, Brand: Obtura,
Model: Obtura III MAX,
BME22501 At Room 10

Berakas Health Centre,
Department Of Dental Services,
Ministry Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
(105) PSD / QTN / 2026 -
(PEROLEHAN)
The Supply And Delivery Of PVC
Translucent For All Ministry Of
Health Hospitals - Clustering

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
26 / QTN / JPK / 2026
Supply And Delivery Fourteen (14)
Units Of Cooler Bag With
Sublimation Printing Biohazard
Label For Phlebotomy Services,
Department Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
25 / QTN / JPK / 2026
Supply, Delivery And Installation
Twelve (12) Units Of Steel Rack
For Phlebotomy Services,
Department Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
(106) PSD / QTN / 2026 - (IT)
The Purchase Of Network Access
Storage (NAS) For BRUHIMS
Application System Dan Database
Backup For PMMPHAMB Hospital

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
JPKAS / IKLAN / 26-27 / 04
Pembekalan Dan Penghantaran
Dua Ratus Lima Puluh (250) Liter
Racun Serangga Bagi Kegunaan
Jabatan Perkhidmatan
Kesihatan Alam Sekitar

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
BME / A2K / (1741) / 2026 / HTD
(B9)
To Supply, Deliver And Install
Spare Parts For One (1) Unit Of

ADEC Dental Chair, Model:
Performer III, BME20165
(S/N: A901110) At Room 10 Block
C National Dental Centre,
For Department Of Dental
Services, Ministry Of Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
BME / A2K / (1740) / 2026 /
HTD (A12)
Supply, Delivery And Installation
Of Batteries For GE Healthcare
MAC2000 ECGs In Ministry Of
Health

**Bilangan dan Tajuk
Sebut Harga:**
DSS / HS / PROC / B50K /
2026-2027 / 029 (FDS)
To Supply, Deliver And Test
Thermometers To Food Chemistry
Laboratory,
Department Of Scientific Services,
Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup
Sebut Harga:**
Sabtu,
3 Oktober 2026
Jam 2.00 Petang



IMBASAN MINGGUAN

THE Great Indian Bazaar yang berlangsung di Pusat Membeli-belah OneCity mempamerkan kepada pengunjung pelbagai jenis makanan, produk, kraf tangan, tekstil serta budaya Republik India. - Foto : Nurdyanah Rajami.

SALAH sebuah sekolah yang menyajikan tarian Melayu Brunei di Pertandingan Dendang Tari Melayu Brunei bagi Sekolah-sekolah Menengah, Maktab dan Pusat Tingkatan Enam (PTE) Tahun 2026 berlangsung di Dewan Digadong, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS). - Foto : Pg.Nur Hafilah Pg. Osman.

SALAH seorang vendor tempatan yang menyertai JP Mini Thrift and Acoustic yang dianjurkan oleh Jerudong Park Country Club (JPCC) di kawasan letak kereta Jerudong Park Colonnade bagi membuka ruang kepada para vendor tempatan menjana pendapatan mereka. - Foto : Azmah Haji Ahad.

AKSI perlawanan pada Kejohanan Bola Keranjang antara AEWON PPE Ke-4 yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang Persatuan Bola Keranjang Brunei (BBA). - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

AKSI peserta di Kejohanan Badminton sempena Semarak Jubli Platinum 70 Tahun Pendidikan Ugama Formal di Dewan Serbaguna, Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah. - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.

KEMPEN 'UNITED BY UNIQUE' TBCC JPMC RAIH ANUGERAH PERAK

■ Siaran Akhbar dan Foto : Jerudong Park Medical Centre

JERUDONG, Ahad, 27 September. - The Brunei Cancer Centre (TBCC), Jerudong Park Medical Centre (JPMC), baru-baru ini telah memenangi Anugerah Perak Hari Kanser Sedunia 2026 bagi kempen 'United by Unique', sebagai pengiktirafan terhadap usaha pusat berkenaan dalam menggalakkan penjagaan kanser yang berfokuskan kepada individu melalui penglibatan kreatif bersama komuniti.

Anugerah Hari Kanser Sedunia berkenaan mengiktiraf pencapaian cemerlang dan amalan inovatif yang dilaksanakan oleh organisasi dan negara dalam komuniti kawalan kanser global, khususnya melalui kempen meningkatkan kesedaran mengenai kanser serta pendekatan yang mengutamakan keperluan individu.

Anugerah berkenaan turut mengetengahkan kempen yang menterjemahkan tema Hari Kanser Sedunia kepada tindakan bermakna yang memberi kesan kepada pesakit kanser, keluarga dan seluruh komuniti yang terlibat dalam penjagaan kanser.

Ia juga meraikan inisiatif yang kukuh dan memberi impak melalui kreativiti, penglibatan pelbagai pihak berkepentingan serta sumbangan ke arah membentuk pendekatan penjagaan kanser yang lebih inklusif dan berpusatkan individu.

Anugerah berkenaan diumumkan pada World Cancer Congress 2026 yang berlangsung di Hong Kong dari 24 hingga 26 September 2026, anjuran Union for International Cancer Control (UICC).

Ditubuhkan pada 1933, UICC merupakan sebuah pertubuhan yang berpusat di Geneva dan menghimpunkan lebih 1,100 organisasi anggota daripada lebih 170 negara dan wilayah bagi memajukan usaha kawalan kanser di peringkat global.

Kempen Hari Kanser Sedunia JPMC yang memenangi Anugerah Perak berkenaan bermula pada Disember 2025 dan memuncak pada Sambutan Hari Kanser Sedunia pada 4 Februari 2026, dengan tema 'Bringing Together the Cancer Care Community Through

Arts'.

Kempen berkenaan menghimpunkan pesakit kanser, individu yang telah sembuh daripada kanser, profesional penjagaan kesihatan, penjaga, keluarga serta masyarakat umum bagi mengetengahkan kepentingan menghargai pengalaman unik setiap individu dalam menghadapi kanser.

Sepanjang kempen berkenaan, seramai 42 pejuang dan bekas pesakit kanser menyertai sesi terapi seni yang dikendalikan oleh seorang artis tempatan bersama seorang ahli terapi pemulihan JPMC. Sesi berkenaan meneroka perkara yang paling bermakna dan penting bagi setiap peserta.

Kempen berkenaan turut menampilkan pertandingan seni bagi kanak-kanak dan belia yang menerima sebanyak 84 penyertaan, selain perkongsian perjalanan hidup oleh para bekas pesakit kanser serta persembahan muzik khas oleh kakitangan TBCC sendiri dengan iringan persembahan orkestra daripada Expression Music Academy.

Maklum balas para peserta menunjukkan bahawa sesi terapi



DELEGASI Jerudong Park Medical Centre yang menghadiri World Cancer Congress 2026 di Hong Kong terdiri daripada Datin Dr. Hajah Noraslinah; Pakar Perubatan Onkologi, Dr. Haji Zulkhairi bin Haji Mohamad; dan Clinical Charge Nurse, EDCPS, Dayang Sarinah binti Haji Junaidi.

seni berkenaan menyediakan ruang bagi meluahkan emosi, kreativiti dan membina hubungan, sekali gus membantu mereka berasa lebih disokong dan tidak terasing.

Pakar Perubatan dan Ketua Perkhidmatan Pengesanan Awal dan Pencegahan Kanser (Early Detection & Cancer Prevention Services - EDCPS), JPMC, Datin Dr. Hajah Noraslinah binti Haji Ramlee, mengetuai Kempen Hari Kanser Sedunia 2026 berkenaan.

Delegasi JPMC yang menghadiri World Cancer Congress 2026 di Hong Kong terdiri daripada Datin

Dr. Hajah Noraslinah; Pakar Perubatan Onkologi, Dr. Haji Zulkhairi bin Haji Mohamad; dan Clinical Charge Nurse, EDCPS, Dayang Sarinah binti Haji Junaidi.

Pengiktirafan berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam menyediakan penjagaan kanser yang berpusatkan individu menerusi TBCC, JPMC yang menyediakan perkhidmatan kanser dan inisiatif komuniti dalam menyokong kesejahteraan emosi, hubungan yang bermakna serta penjagaan komuniti melangkaui rawatan.

Tingkatkan kesedaran belia kepentingan keselamatan siber



BICARA Keselamatan Siber anjuran Jabatan Belia dan Sukan, Cawangan Daerah Brunei dan Muara telah dihadiri seramai 80 orang belia (bawah) di mana ceramah serta perkongsian telah disampaikan oleh penceramah dari Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Brunei Darussalam Central Bank (atas).



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 26 September. - Seramai 80 orang belia berumur antara 15 hingga 35 tahun yang terdiri daripada penuntut sekolah menengah kerajaan dan institusi pengajian tinggi juga ahli-ahli persatuan serta pergerakan belia dan sukan menyertai Bicara Keselamatan Siber yang dianjurkan oleh Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Brunei dan Muara.

Program tersebut merupakan salah satu inisiatif dalam

meningkatkan kesedaran dan pengetahuan golongan belia mengenai kepentingan keselamatan siber, khususnya dalam menghadapi ancaman penipuan dalam talian yang semakin pelbagai.

Bicara Keselamatan Siber turut memberikan pendedahan kepada para peserta mengenai pelbagai bentuk penipuan atau scam, termasuk modus operandi yang digunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Para peserta juga dikongsikan

mengenai langkah-langkah yang boleh diambil bagi melindungi diri, maklumat peribadi serta akaun kewangan daripada menjadi mangsa penipuan.

Selain itu, program berkenaan bertujuan membimbing para peserta dalam mengenal pasti teknik dan taktik yang sering digunakan oleh scammer termasuk tanda-tanda awal yang boleh menunjukkan sesuatu tawaran, mesej atau komunikasi sebagai satu bentuk penipuan.

Para peserta turut diberikan panduan mengenai amalan keselamatan ketika menggunakan internet dan media sosial termasuk kepentingan menjaga kerahsiaan maklumat peribadi serta tidak mudah mempercayai atau berkongsi maklumat dengan pihak yang tidak dikenali.

Bagi memastikan para peserta mendapat maklumat dan pandangan daripada pihak yang berkepakaran dalam bidang berkaitan, JBS Cawangan Daerah Brunei dan Muara telah mengundang penceramah dari Jabatan Siasatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Brunei Darussalam Central Bank untuk menyampaikan ceramah dan perkongsian.

Melalui program ini, para belia diharap akan lebih peka dan berwaspada terhadap pelbagai bentuk ancaman penipuan dalam talian serta mampu mengambil langkah yang bersesuaian bagi melindungi diri dan maklumat peribadi.

Program ini juga dihasratkan untuk membentuk golongan belia yang lebih celik digital serta menggalakkan mereka menjadi pengguna teknologi dan media sosial yang berwaspada, bertanggungjawab dan berhemah.

JBS akan terus mendukung usaha-usaha dalam meningkatkan kesedaran golongan belia terhadap isu-isu semasa yang berkaitan dengan keselamatan, kesejahteraan dan penggunaan teknologi secara positif dan bertanggungjawab.

Penanaman Padi Hibrid tingkatkan kemahiran penghuni penjara

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

TUTONG, Sabtu, 26 September. - Program Penanaman Padi Hibrid Jabatan Penjara dilaksanakan bagi memberikan latihan praktikal, kemahiran pertanian dan pengalaman bekerja kepada penghuni penjara dalam suasana yang terkawal.

Program berkenaan juga merupakan salah satu pendekatan pemulihan dan persediaan penghuni sebelum kembali ke masyarakat.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Menteri Penylaras Dasar-Dasar Sosial dan Tenaga Manusia dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman petang tadi, sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penjara Ke-72 Tahun bertempat di luar kawasan Institusi Penjara Maraburong Fasa III.

Menurut Inspektor Penjara, Jabatan Penjara, Dayang Nurhafiyah binti Abdullah semasa ditemu bual, program berkenaan memberi peluang kepada penghuni mempelajari kemahiran pertanian yang boleh dimanfaatkan selepas tamat tempoh hukuman.

Katanya, penglibatan dalam aktiviti pertanian juga dapat membentuk disiplin, sikap bertanggungjawab, kerjasama, ketekunan dan etika kerja, di samping membuat persediaan untuk perintegrasian kepada keluarga dan masyarakat.

Selepas hasil pertama dituai



INSPEKTOR Penjara, Jabatan Penjara, Dayang Nurhafiyah binti Abdullah semasa ditemu bual.

ujarnya, program berkenaan dirancang untuk diteruskan ke musim penanaman seterusnya. Sebahagian hasil akan digunakan bagi tanaman kedua, manakala sebahagian lagi dirancang untuk projek tanaman semaian padi berskala kecil.

Dalam jangka masa panjang tambahnya, projek berkenaan berpotensi menghasilkan padi untuk kegunaan penghuni penjara serta bekalan kepada pembekal makanan yang dipilih.

Hasrat Jabatan Penjara adalah untuk menyokong usaha negara dalam melahirkan individu yang berkemahiran, berdaya saing dan produktif melalui penguasaan kemahiran pertanian, serta menyokong usaha ke arah pembangunan ekonomi yang lebih dinamik, berdaya tahan dan seimbang dengan matlamat Wawasan Brunei 2035.



*Gaya Hidup Sihat
Pilihan Bijak*

SITUASI DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

 Pada tahun 2024,
572 kematian akibat
 penyakit kardiovaskular
 (313 kematian pra-matang)
 **5%** berbanding tahun sebelumnya.

 Jika tren ini tidak
 ditangani, ia boleh
 menyebabkan
 penurunan jangka hayat,
 kehilangan pendapatan
 keluarga, tekanan kepada
 perkhidmatan sosial,
 kesan kepada produktiviti
 kerja dan ekonomi negara.


**Cegah
Penyakit Jantung**
 MULAKAN DENGAN
 GAYA HIDUP AKTIF

Sayangi jantung, hidup secara aktif

HARI Jantung Sedunia diperingati pada 29 September setiap tahun dan merupakan momentum penting dalam upaya global untuk meningkatkan kesedaran terhadap penyakit kardiovaskular.

Di Negara Brunei Darussalam, penyakit kardiovaskular juga merupakan salah satu penyebab utama kematian. Pada tahun 2024, sebanyak 572 kematian telah dilaporkan akibat penyakit ini termasuk 313 kematian pra-matang - menunjukkan peningkatan sebanyak 5 peratus berbanding tahun sebelumnya. Jika tren ini tidak ditangani, ianya boleh membawa kepada penurunan jangka hayat dan kehilangan pendapatan keluarga serta tekanan terhadap perkhidmatan sosial di samping membawa kesan terhadap produktiviti kerja dan sumbangan kepada ekonomi negara.

Pencegahan awal merupakan langkah utama bagi mengelak penyakit jantung, dengan kesedaran tinggi masyarakat untuk menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala. Meskipun ramai menyedari kepentingan gaya hidup sihat, cabaran utama adalah mengamalkannya secara konsisten. Kesedaran, pendidikan dan sokongan komuniti amat penting dalam usaha mengurangkan kadar kematian akibat penyakit kardiovaskular yang masih menjadi pembunuh utama di seluruh dunia.

Di zaman moden seperti sekarang ini, banyak bermunculan berbagai macam penyakit. Menu makan serba *fast food* (makanan siap saji) sudah menjadi santapan

sehari-hari. Akibatnya, beberapa penyakit yang dahulu hanya mengenai orang-orang yang sudah berusia lanjut, kini juga banyak dideritai oleh kaum muda. Penyakit jantung koroner adalah salah satu penyakit yang tidak lagi dimonopoli oleh mereka yang berusia 60 tahun ke atas, namun kini sudah semakin banyak mengenai usia produktif.

Apakah penyakit kardiovaskular

Penyakit kardiovaskular termasuk penyakit jantung dan strok kekal sebagai punca utama kematian di seluruh dunia. Menurut Persekutuan Jantung Sedunia (World Heart Federation), lebih dari 20 juta kematian setiap tahun adalah akibat penyakit kardiovaskular seperti serangan jantung, strok dan kegagalan jantung. Sebahagian besar dari kematian tersebut adalah disebabkan oleh kematian pra matang (kematian sebelum umur 70 tahun). Penyakit kardiovaskular merupakan terma umum yang mencakupi penyakit-penyakit melibatkan jantung dan saluran darah. Penyakit kardiovaskular merupakan punca utama kematian di Asia. Namun, penyakit ini sebenarnya boleh dicegah.

Risiko penyakit jantung

Penyakit jantung berpotensi untuk membunuh atau mengakibatkan banyak komplikasi sekiranya tidak dicegah dan dirawat. Oleh hal yang demikian, langkah

Oleh : Ak. Jefferi Pg Durahman

Ilustrasi : Muhammad Ike Iqrami Haji Suhaimi

pencegahan dengan mengetahui faktor risiko adalah penting. Mereka yang berisiko tinggi ialah :

- Usia melebihi 35 tahun
- Perokok
- Kencing manis / Diabetes
- Tekanan darah tinggi
- Tahap kolesterol yang tinggi
- Mempunyai berat badan yang berlebihan (obesiti) atau gemuk
- Mempunyai sejarah keluarga yang menghidap penyakit jantung, strok, kencing manis, tekanan darah tinggi
- Tidak mengamalkan pemakanan yang sihat
- Tidak mengamalkan senaman yang mencukupi
- Sentiasa dalam keadaan tertekan / stres

Langkah yang perlu diambil

Oleh itu, kita perlu mengambil langkah kepada beberapa perkara utama untuk diambil perhatian oleh semua :

- Amalkan pemakanan sihat dengan kurangkan makanan berlemak, manis dan masin
- Amalkan senaman atau aktiviti fizikal secara konsisten
- Tidak merokok
- Capai dan kekalkan berat badan unggul

- Pupuk minda sihat dan tangani stres
- Lakukan pemeriksaan kesihatan secara berkala

Sehubungan itu, kita turut menyeru semua lapisan masyarakat - sama ada individu, ahli keluarga, komuniti, agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan mahupun pihak swasta untuk bersama-sama memperkukuhkan usaha pencegahan dan pengawalan Penyakit Kardiovaskular. Marilah kita jadikan Hari Jantung Sedunia 2026 ini sebagai titik tolak untuk memperbaharui komitmen terhadap penjagaan kesihatan jantung dengan secara proaktif mengamalkan gaya hidup sihat, menjalani pemeriksaan kesihatan secara berkala dan memberikan sokongan kepada mereka yang berisiko. Dengan kerjasama padu, kita boleh memupuk budaya pencegahan dan memastikan setiap degupan jantung kita adalah ke arah kehidupan yang lebih sihat, sejahtera dan berkualiti.

Bersamalah kita menjaga kesihatan tubuh badan kita secara fizikal dan mental dengan menyeluruh. Oleh itu, periksa kesihatan diri kita sekurang-kurangnya dua kali setahun untuk memastikan tubuh badan kita sentiasa sihat dan kuat agar dapat melaksanakan tugas seharian dengan sempurna.



Makan Berkhasiat

Aktif Setiap Hari

Jauhi Rokok

Kawal Stres

Kekalkan Berat Badan Ideal



TEMA-TEMA SAMBUTAN HARI PERKHIDMATAN AWAM 2010 - 2025

BIL.	TAHUN	HPA KALI KE	TARIKH	TEMA
1.	2010	17	Hari Khamis, 13 Zulkaedah 1431 / 21 Oktober 2010	BERSATU PADU KE ARAH MENCAPAI WAWASAN 2025
2.	2011	18	Hari Khamis, 16 Zulkaedah 1432 / 13 Oktober 2011	
3.	2012	19	Hari Rabu, 1 Zulhijah 1433 / 17 Oktober 2012	
4.	2013	20	Hari Rabu, 1 Safar 1435 / 4 Disember 2013	JURUSTADBIR DINAMIK KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA
5.	2014	21	Hari Rabu, 4 Safar 1436 / 27 November 2014	
6.	2015	22	Hari Rabu, 12 Safar 1437 / 24 November 2015	
7.	2016	23	Hari Khamis, 19 Muharram 1438 / 20 Oktober 2016	TRANSFORMASI KE ARAH PERKHIDMATAN AWAM YANG PROGRESIF
8.	2017	24	Hari Rabu, 03 Rabiulawal 1439 / 22 November 2017	
9.	2018	25	Hari Rabu, 22 Safar 1440 / 31 Oktober 2018	
10.	2019	26	Hari Selasa, 15 Rabiulawal 1441 / 12 November 2019	PERKHIDMATAN AWAM BERINTEGRITI DAN BERINOVASI PEMANGKIN PEMBANGUNAN NEGARA
11.	2020	27	Hari Selasa, 11 Safar 1442 / 29 September 2020	
12.	2021	28	Hari Rabu, 22 Safar 1443 / 29 September 2021	
13.	2022	29	Majlis Penghargaan dan Penyampaian Anugerah-Anugerah Hari Perkhidmatan Awam kali ke-29, Hari Khamis, 24 Rabiulawal 1444 / 19 November 2022	KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA
14.	2023	30	Hari Selasa, 16 Rabiulakhir 1445 / 31 Oktober 2023	
15.	2024	31	Hari Isnin, 26 Rabiulawal 1446 / 30 September 2024	
16.	2025	32	Hari Isnin, 7 Rabiulakhir 1447 / 29 September 2025	KEBERDAYATAHANAN DAN PERPADUAN PERKHIDMATAN AWAM PEMANGKIN KESEJAHTERAAN NEGARA

Menjulang Kepimpinan dan Kedaulatan Raja : Memacu Perkhidmatan Awam yang transformatif

Huraian ringkas tema Sambutan Hari Perkhidmatan Awam (HPA) bagi tahun 2026-2028

asas dalam cara negara ditadbir serta bagaimana rakyat menjalani kehidupan sehari-hari.

Oleh : Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Jabatan Penerangan

SAMBUTAN HPA pada tahun ini akan mula menggunakan tema baharu memandangkan tema 'Kebertayutan dan Perpaduan Perkhidmatan Awam Pemangkin Kesejahteraan Negara' telah pun luput tempoh penggunaannya selama tiga tahun iaitu mulai Tahun 2023 sehingga Tahun 2025.

Cadangan tema Sambutan HPA mulai Tahun 2026 hingga Tahun 2028 adalah berteraskan konsep menjulang kepimpinan dan kedaulatan raja sebagai teras negara, mengambil kira Sambutan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam 60 Tahun Menaiki Takhta yang akan diadakan pada tahun 2027 adalah :-

'Menjulung Kepimpinan dan Kedaulatan Raja : Memacu Perkhidmatan Awam Yang Transformatif'

Huraian ringkas tema Penjelasan Konsep dan Tema

Memperkasakan kepimpinan dan kedaulatan raja dalam Memacu Perkhidmatan Awam Yang Transformatif di bawah pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Fokus Tema

Tema ini menandai sistem pemerintahan Negara Brunei Darussalam (NBD) serta faktor-faktor yang menjadikan sistem pemerintahan tersebut terus kukuh dan berkesan. Pada dasarnya, tema ini merungkai hubungan erat di antara kepimpinan beraja dengan Perkhidmatan Awam, khususnya bagaimana seorang raja yang telah memerintah lebih lima dekad bertanggungjawab sebagai Ketua Negara, Perdana Menteri, Ketua Ugama Islam dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dalam memastikan kesejahteraan serta kemajuan rakyat dan negara sentiasa terpelihara.

Tema ini juga sangat berkait rapat dengan identiti NBD sebagai sebuah negara Melayu Islam Beraja (MIB). Falsafah MIB yang menggabungkan nilai budaya Melayu, ajaran Islam dan sistem pemerintahan beraja bukan sekadar konsep kenegaraan bahkan menjadi

Kesinambungan institusi beraja sejak enam abad

Institusi Kesultanan Brunei mempunyai sejarah yang panjang dan berterusan sejak tahun 1368 Masihi apabila Awang Alak Betatar memeluk agama Islam dan bergelar Sultan Muhammad Shah, Sultan Brunei yang pertama. Sejak itu, Kesultanan Brunei berkembang sebagai sebuah kerajaan yang berpengaruh termasuk ketika zaman kegemilangan pemerintahan Sultan Bolkiah pada abad Ke-15.

Walaupun melalui pelbagai cabaran termasuk era perlindungan British bermula tahun 1888, pengembalian kuasa pentadbiran dalaman melalui Perlembagaan 1959 di bawah Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien serta kemerdekaan penuh pada tahun 1984, institusi Kesultanan Brunei kekal utuh sepanjang zaman.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah merupakan Sultan Brunei yang ke-29 dalam kesinambungan pemerintahan yang menjangkau lebih enam abad. Kesinambungan ini bukan sahaja melambangkan warisan sejarah, bahkan menjadi asas kepada perpaduan, kesetiaan dan identiti kebangsaan rakyat Negara Brunei Darussalam.

Hubungan di antara raja dan rakyat pula berteraskan satu ikatan amanah dan tanggungjawab bersama. Dalam titah sempena Sambutan Jubli Emas Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada tahun 2017, Kebawah DYMM menegaskan bahawa kewajipan raja adalah terhadap rakyat, manakala kewajipan rakyat pula adalah menumpahkan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja. Hubungan ini merupakan satu perjanjian moral dan spiritual yang berasaskan keadilan, kasih sayang dan tanggungjawab bersama.

Tiga Tonggak Kepimpinan 1. Tonggak Pertama - Raja Berdaulat Berteraskan Islam

Peranan Kebawah DYMM sebagai seorang raja Islam adalah berpaksikan prinsip pemerintahan Islam yang telah berkembang sejak sekian lama. Dalam tradisi tersebut, pemerintah

bertanggungjawab memelihara agama, menegakkan keadilan, memastikan keselamatan rakyat dan mentadbir hal ehwal negara secara langsung.

Di NBD, prinsip-prinsip ini diterjemahkan melalui pelbagai institusi dan dasar negara seperti pelaksanaan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah, penubuhan Kementerian Hal Ehwal Ugama, inisiatif Negara Zikir serta akses meluas kepada pendidikan agama bagi rakyat.

Selain itu, pendekatan Maqasid Syariah turut menjadi asas dalam pembentukan dasar negara yang bertujuan memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Prinsip-prinsip ini dapat dilihat melalui penyediaan pendidikan percuma, perkhidmatan kesihatan universal, skim perumahan rakyat serta ketiadaan cukai pendapatan individu di negara ini.

2. Tonggak Kedua - Perdana Menteri selaku Ketua Kerajaan

Kebawah DYMM juga memegang jawatan sebagai Perdana Menteri NBD. Ini bermakna individu yang menjadi lambang tertinggi negara juga bertanggungjawab secara langsung terhadap pentadbiran harian kerajaan.

Keadaan ini mewujudkan kesinambungan yang jelas antara wawasan negara dengan pelaksanaan dasar kerajaan. Titah-titah Kebawah DYMM bukan sekadar bersifat simbolik, tetapi menjadi panduan dasar yang perlu diterjemahkan oleh jentera Perkhidmatan Awam melalui tindakan yang nyata dan berkesan.

Melalui Jabatan Perdana Menteri, jemaah menteri serta lawatan-lawatan rasmi ke kementerian dan institusi kerajaan, Kebawah DYMM sentiasa mengikuti perkembangan pentadbiran negara secara dekat. Pendekatan ini memastikan mutu penyampaian perkhidmatan dan prestasi kerajaan sentiasa dipantau dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

3. Tonggak Ketiga - Penyatuan Peranan Raja dan Ketua Kerajaan

Keistimewaan sistem pemerintahan NBD terletak pada penyatuan dua peranan utama dalam satu kepimpinan - sebagai Ketua Negara dan juga Ketua Kerajaan.

Sebagai Ketua Negara, Kebawah DYMM berperanan memelihara agama, adat

istiadat, perpaduan nasional dan kesinambungan warisan negara. Baginda juga merupakan Pemerintah Tertinggi ABDB serta pelindung kepada falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Sebagai Ketua Kerajaan pula, baginda menguruskan jemaah menteri melalui Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet, menerajui pelaksanaan Wawasan Brunei 2035, mengemudi Perkhidmatan Awam serta memacu agenda pembangunan negara termasuk kepelbagaian ekonomi dan pendigitalan.

Kedua-dua peranan ini saling melengkapi dan menghasilkan satu sistem pemerintahan yang berteraskan prinsip, tetapi dalam masa yang sama bersifat praktikal dan berpaksaan hasil.

Implikasi kepada Perkhidmatan Awam masa kini

Wawasan Brunei 2035 merupakan pelan pembangunan jangka panjang negara yang menyatukan semua aspirasi ini. Wawasan tersebut menetapkan hasrat untuk melahirkan rakyat yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran, menikmati kualiti kehidupan yang tinggi serta ekonomi yang dinamik dan mampan.

Sehubungan itu, setiap kementerian, penjawat awam dan institusi kerajaan hendaklah menyelaraskan peranan dan tanggungjawab masing-masing ke arah pencapaian matlamat tersebut.

Tema 'Menjulung Kepimpinan dan Kedaulatan Raja : Memacu Perkhidmatan Awam Yang Transformatif' bukan sekadar suatu penghayatan sejarah, tetapi merupakan seruan kepada warga Perkhidmatan Awam untuk memahami asas falsafah di sebalik tanggungjawab mereka, serta melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab dan integriti sebagaimana yang ditunjukkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri.

Hasilnya ialah pewujudan sebuah model pemerintahan yang menggabungkan tradisi dan transformasi secara seimbang. Pendigitalan kerajaan, sistem berteraskan integriti, penyampaian perkhidmatan yang berfokus kepada rakyat serta penguatkuhan identiti kerohanian bukanlah elemen yang saling bercanggah sebaliknya mencerminkan pendekatan pemerintahan beraja yang moden dari segi keupayaan, namun tetap teguh berpaksikan agama dan nilai-nilai murni negara.



2 PANDA GERGASI DARI CHENGDU DIHANTAR KE ZOO ATLANTA UNTUK 10 TAHUN

CHENGDU, 27 Sept. - Sepasang panda gergasi, Ping Ping dan Fu Shuang, berlepas ke zoo di Amerika Syarikat (AS) dari Lapangan Terbang Antarabangsa Chengdu Shuangliu di wilayah Sichuan, barat

daya Republik Rakyat China pada Ahad, lapor Xinhua.

Mereka berlepas dengan penerbangan sewa pada 2.55 pagi bagi memulakan penginapan 10 tahun di Zoo Atlanta.

Sebelum pemergian mereka, Pangkalan Penyelidikan

Pembiakan Panda Gergasi Chengdu mengadakan majlis perpisahan untuk pasangan itu.

Ketibaan panda di AS adalah penting kerana ia mencerminkan kerjasama berterusan antara Republik Rakyat China dan AS dalam pemuliharaan dan

penyelidikan panda gergasi.

Penginapan 10 tahun mereka juga akan memberikan peluang kepada Zoo Atlanta untuk melibatkan pengunjung dalam pemuliharaan panda dan meningkatkan kesedaran mengenai usaha melindungi spesies itu.

Semasa lawatan negaranya ke AS pada 24 September, Presiden

Republik Rakyat China Xi Jinping mengumumkan dua panda gergasi akan tiba di Zoo Atlanta tidak lama lagi.

Menggelar panda gergasi itu sebagai 'utusan persahabatan antara rakyat Republik Rakyat China dan Amerika', Xi berkata pasangan itu akan bertemu rakyat Amerika di rumah baharu mereka di Atlanta. - ©BERNAMA

Festival makanan Malaysia 9 hari dilancarkan di New Delhi

HYDERABAD, 27 Sept. - Festival makanan Malaysia selama sembilan hari dilancarkan di New Delhi bagi mempromosikan kekayaan warisan kuliner yang dimiliki negara itu.

Acara yang berlangsung di sebuah hotel di Central Delhi itu dirasmikan oleh Kuasa Usaha Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Sharifah Ezneeda Wafa Syed

Zulkarnain Wafa pada Sabtu, serta dihadiri ketua-ketua perwakilan ASEAN, wakil media dan tetamu jemputan.

Menurut hantaran di laman Facebook Suruhanjaya Tinggi itu, festival berkenaan menampilkan Chef Sazali dan Chef Nazaruddin, yang diterbangkan khas dari Kuala Lumpur bagi menyajikan pelbagai hidangan asli Malaysia kepada

pencinta makanan di ibu negara Republik India itu.

Kedua-dua chef tempatan itu sebelum ini bekerjasama dengan perwakilan, persatuan wanita Kementerian Luar Malaysia di Delhi, bagi menyajikan sajian tradisi Malaysia kepada tetamu yang menghadiri majlis resepsi Hari Kebangsaan Malaysia pada Jumaat. - ©BERNAMA

Feri karam : Republik Indonesia lanjut operasi SAR, 71 masih hilang

JAKARTA, 27 Sept. - Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) mangsa feri penumpang Virgo Transport 8 dilanjutkan tujuh hari lagi, selepas 11 mayat mangsa ditemukan pada Sabtu, menjadikan jumlah kematian sebanyak 64 orang manakala 71 masih hilang.

Pengarah Operasi Agensi Mencari dan Menyelamat Nasional (Basarnas) Indonesia Laksamana Muda Yudhi Bramantyo Nur Sasongko berkata ini adalah lanjutan tujuh hari kedua sejak kapal itu terdampas di Laut Jawa pada 13 September.

"Kami memutuskan untuk melanjutkan tujuh hari lagi, tetapi kami akan menilai setiap tiga hari. Jadi, perkembangan akan dinilai setiap tiga hari," katanya pada sidang media di Pelabuhan Trisakti di Banjarmasin, Kalimantan Selatan, Sabtu malam.

Virgo Transport 8, yang membawa 243 orang dan 89 kenderaan dari Surabaya di Jawa Timur ke Banjarmasin, terputus hubungan kira-kira 2 pagi waktu tempatan pada 13 September dan ditemukan terbalik pada hari itu sebelum beransur karam, dengan bangkai kapal tenggelam sepenuhnya pada 17 September.

Dua minggu selepas operasi, 172 daripada mereka yang berada di dalam kapal telah ditemukan setakat Sabtu, terdiri daripada 108 mangsa terselamat dan 64 maut.

Mengenai penemuan jasad terbaharu, Yudhi berkata empat dibawa naik oleh penyelam dari dalam feri dan tujuh lagi ditemukan di sepanjang kawasan pantai di Kalimantan Tengah.

Dengan pencarian diteruskan, beliau berkata Basarnas akan terus memfokuskan pada usaha mencari mangsa yang hilang.

Beliau berkata proses penyelamatan akan menjadi semakin penting apabila pasukan pencari bawah air telah selesai menjelajah seluruh kawasan bangkai kapal yang boleh diakses dengan selamat dan tiada lagi mangsa dapat ditemukan menerusi operasi menyelam. - ©BERNAMA

Tanzania gesa tindakan global tangani kenaikan paras laut

DAR ES SALAAM, 26 Sept. - Tanzania menggesa masyarakat antarabangsa menterjemahkan komitmen kepada tindakan konkrit bagi membantu negara membangun menangani kesan yang semakin ketara akibat kenaikan paras laut, menurut kenyataan Pejabat Naib Presiden pada Jumaat, lapor Xinhua.

Ketika berucap pada mesyuarat peringkat tinggi Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai kenaikan paras laut di New York pada Khamis, Naib Presiden Deogratius Ndejemi memberi amaran bahawa fenomena itu bukan lagi ancaman masa depan, sebaliknya sudah menjejaskan kehidupan, ekonomi dan ekosistem di seluruh dunia.

Menurut kenyataan itu, Tanzania amat terdedah kepada ancaman berkenaan kerana kedudukannya di pesisir Lautan Hindi, selain Zanzibar dan pulau-pulau lain, dengan jutaan penduduk bergantung pada sektor perikanan, pelancongan dan perdagangan.

Ndejemi berkata hakisan pantai, kemasukan air masin ke sumber air tawar dan banjir menimbulkan risiko yang semakin meningkat terhadap komuniti, infrastruktur serta pencapaian pembangunan.

Bagi menangani cabaran itu, Tanzania sedang memperkukuh perlindungan pesisir pantai, memulihkan hutan bakau dan ekosistem lain, meningkatkan keselamatan air serta melaksanakan langkah penyesuaian iklim yang diterajui komuniti.

Bagaimanapun, beliau menegaskan bahawa usaha di peringkat nasional sahaja tidak mencukupi dan menggesa penyediaan pembiayaan iklim mencukupi, boleh dijangka serta mudah diakses, selain pemindahan teknologi dan sistem amaran awal yang berkesan untuk negara membangun yang terdedah.

Ndejemi turut menegaskan semula sokongan Tanzania terhadap penerimaan deklarasi bersama daripada mesyuarat itu dan menggesa dunia beralih daripada sekadar komitmen kepada pelaksanaan yang boleh diukur. - ©BERNAMA

Ketua WHO gesa rundingan sistem akses patogen, perkongsian manfaat dimuktamad

NEW YORK, 26 Sept. - Ketua Pengarah Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) Tedros Adhanom Ghebreyesus pada Jumaat menggesa rundingan mengenai sistem Akses Patogen dan Perkongsian Manfaat (PABS) dimuktamadkan segera bagi membolehkan Perjanjian Pandemik WHO berkuat kuasa, lapor Xinhua.

Tedros membuat gesaan itu pada mesyuarat peringkat tinggi mengenai pencegahan, kesiapsiagaan dan tindak balas pandemik yang diadakan di luar Perbahasan Umum Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Jadi hari ini, saya hanya mempunyai satu permintaan -- satu sahaja: selesaikan PABS secepat mungkin. Sila muktamadkan rundingan itu secepat mungkin," kata beliau.

Tedros menegaskan kelewatan

selanjutnya bukan sekadar melibatkan prosedur atau proses, sebaliknya boleh membawa akibat besar kepada semua negara apabila pandemik seterusnya berlaku.

PABS akan menjadi lampiran kepada Perjanjian Pandemik.

Selepas lampiran itu diterima pakai oleh Perhimpunan Kesihatan Sedunia, keseluruhan Perjanjian Pandemik yang diterima pakai tahun lalu akan dibuka untuk ditandatangani dan diratifikasi oleh negara-negara.

Perjanjian itu secara rasmi akan berkuat kuasa 30 hari selepas diratifikasi oleh 60 negara.

Tedros menyifatkan penerimaan Perjanjian Pandemik sebagai satu pencapaian bersejarah.

"Dalam dunia yang berpecah dan penuh perbezaan, negara-negara berjaya mencari titik persamaan bagi mencapai

matlamat bersama. Anda telah menunjukkan bahawa multilateralisme masih berfungsi dan terus kukuh," katanya.

Beliau berkata Perjanjian Pandemik dan Peraturan-Peraturan Kesihatan Antarabangsa sama sekali tidak menjejaskan kedaulatan negara.

Sebaliknya, kedua-duanya dirunding dan diterima pakai oleh negara berdaulat sebagai manifestasi kedaulatan masing-masing, berdasarkan pengiktirafan bahawa pandemik tidak mengenal sempadan dan pertahanan terbaik bukanlah pengasingan, sebaliknya kerjasama.

"Walaupun masih terdapat perbezaan, saya yakin negara-negara akan menemui titik persamaan, sebagaimana yang mereka lakukan ketika mencapai Perjanjian itu," kata Tedros. - ©BERNAMA

Bangkok isytihar 3 daerah sebagai kawasan bencana banjir

BANGKOK, 26 Sept. - Pentadbiran Metropolitan Bangkok (BMA) mengisytiharkan daerah Nong Chok, Suan Luang dan Khan Na Yao sebagai kawasan bencana banjir susulan hujan lebat berterusan yang menjejaskan perjalanan serta akses ke kawasan terlibat.

BMA dalam satu kenyataan berkata pengisytiharan itu bertujuan membolehkan agensi berkaitan memasuki kawasan terjejas, melaksanakan tugas dan mengambil tindakan segera mengikut bidang kuasa serta tanggungjawab masing-masing.

"Pentadbiran Metropolitan Bangkok akan terus memantau keadaan dengan rapi dan mengambil tindakan lanjut mengikut prosedur serta peraturan berkaitan sekiranya kawasan lain memenuhi kriteria untuk diisytiharkan sebagai kawasan terjejas bencana awam," menurut kenyataan itu.

BMA berkata banjir menyukarkan perjalanan dan akses ke kawasan terjejas, menjejaskan orang ramai serta

menimbulkan risiko terhadap nyawa dan keselamatan, selain berpotensi menyebabkan kerosakan kepada harta awam dan kerajaan.

Sehubungan itu, keadaan berkenaan dikategorikan sebagai bencana awam di bawah Akta Pencegahan dan Mitigasi Bencana 2007.

Gabenor Bangkok Chadchart Sittipunt, atas kapasitinya sebagai Pengarah Pentadbiran Metropolitan Bangkok, menandatangani pengisytiharan itu pada 25 September yang meliputi 13 subdaerah di tiga daerah berkenaan.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pencegahan dan Mitigasi Bencana (DDPM) Theerapat Kachamat berkata banjir menjejaskan 11,796 isi rumah atau 37,036 penduduk di 12 wilayah di utara, tengah, timur dan timur laut Thailand setakat 25 September.

Wilayah terjejas ialah Phetchabun, Nakhon Sawan, Uthai Thani, Sing Buri, Suphan Buri, Saraburi, Phra Nakhon Si Ayutthaya, Prachin Buri,

Chachoengsao, Sa Kaeo, Trat dan Surin.

Theerapat berkata hujan lebat di beberapa kawasan sejak beberapa hari lalu, ditambah aliran air dari utara ke wilayah tengah, menyumbang kepada kejadian banjir.

DDPM melaporkan banjir menjejaskan 38 daerah, 143 subdaerah dan 596 kampung di 12 wilayah itu, dengan paras air meningkat di beberapa kawasan termasuk Suphan Buri, Chachoengsao dan Sa Kaeo.

Dalam perkembangan lain, hujan lebat sepanjang malam di Chon Buri menyebabkan banjir di Sattahip hingga menenggelami kira-kira satu kilometer Jalan Sukhumvit dan menjejaskan aliran trafik dengan teruk.

Jabatan Meteorologi Thailand meramalkan hujan lebat di beberapa bahagian negara itu termasuk Bangkok dan wilayah sekitarnya sehingga 27 September, dengan amaran kemungkinan banjir kilat dan air bertakung di kawasan berisiko. - ©BERNAMA

UBD 'A' JUARA KEJOHANAN BOLA SEPAK SEMPENA HARI GURU



BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 September. - Pasukan UBD 'A' muncul juara Peringkat Akhir Kejohanan Bola Sepak Tujuh Sepasukan sempena Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 yang berlangsung pagi tadi di Padang Sekolah Rendah Mabohai.

Pasukan Gabungan IRK Rendah Kerajaan muncul naib johan, manakala tempat ketiga disandang oleh pasukan Gabungan Guru-Guru Ugama. Kejohanan berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar semasa bergambar ramai bersama pasukan juara (kiri). Sementara gambar bawah kanan, antara aksi pemain pada perlawanan berkenaan.

Pendidikan Kokurikulum selaku Jawatankuasa Acara-Acara Sukan bagi Sambutan Hari Guru.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keagamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar.

Sebanyak 24 pasukan mengambil bahagian dalam kejohanan pada tahun ini yang dibukakan kepada pegawai dan kakitangan, termasuk tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan

Kementerian Hal Ehwal Ugama, khususnya daripada Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah.

Kejohanan ini merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan bagi menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

Antara tujuan kejohanan ini adalah untuk meningkatkan daya saing dan penglibatan aktif warga Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama, selain itu ia juga diharap dapat memupuk semangat keharmonian dan silaturahim antara kakitangan kedua-dua kementerian.



Mind Over Miles memperkasa kesedaran, sokong komuniti mesra demensia

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 September. - Usaha memperkasa kesedaran masyarakat mengenai demensia terus diperkukuh menerusi Larian Virtual Mind Over Miles sempena Bulan Demensia Sedunia 2026 yang berjaya menghimpunkan lebih 150 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat di negara ini.

Sehubungan ini, Majlis Penutup Larian Virtual Mind Over Miles disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS), Dayang Hajah Noridah binti Haji Abdul Hamid yang berlangsung di Dewan Riadah, Pusat Belia, di ibu negara hari ini.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Bersama, Dayang Nur Razanah binti Haji Rosli daripada Y-Lite, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) diikuti Presiden Demensia Brunei, Dr. Hajah Norhayati binti Haji Md. Kassim.

Dr. Hajah Norhayati dalam ucapan alu-aluannya menyatakan bahawa menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kira-kira 57 juta orang di seluruh dunia menghidap demensia pada 2021, dengan hampir 10 juta kes baharu berlaku setiap tahun.

Jelasnya lagi, angka berkenaan dijangka meningkat kepada 78 juta orang menjelang 2030, dan 139 juta orang menjelang 2050 peningkatan yang amat membimbangkan dalam tempoh kurang tiga dekad sahaja.

Demensia tambahnya, bukanlah sekadar isu kesihatan individu. Kesannya turut dirasakan dan ditanggung oleh ahli-ahli keluarga, penjaga, masyarakat serta sistem kesihatan dan penjagaan sosial secara keseluruhan.

Beliau menekankan, walaupun risiko demensia meningkat seiring dengan peningkatan usia, adalah penting untuk kita fahami bahawa demensia bukanlah sebahagian daripada proses penuaan yang normal.

Dr. Hajah Norhayati selanjutnya mengongsikan daripada sebuah kaji selidik (Community-based Dementia Screening Initiative in

Brunei) yang telah dilaksanakan oleh Persatuan Demensia Brunei dengan kerjasama Pusat Promosi Kesihatan dan Universiti Brunei Darussalam pada 2023, yang melibatkan lebih 1,000 orang berusia 50 tahun ke atas, telah mendapati simptom yang paling kerap dilaporkan ialah salah letak barang (42.6 peratus), mudah lupa (32.5 peratus), dan kesukaran *visuospatial* (24.2 peratus).

"Antara individu yang mempunyai simptom, 14.5 peratus melaporkan simptom yang semakin teruk dan 12.0 peratus mengalami gangguan aktiviti harian. Ujian saringan pendek bagi pengesanan demensia yang digunakan dalam kajian tersebut mendapati 14.4 peratus peserta disyaki mengalami gangguan kognitif.

"Kajian ini juga mengesahkan bahawa faktor-faktor risiko yang lazim dihidapi dalam kalangan masyarakat kita tekanan darah tinggi, diabetes, paras kolesterol tinggi dan penyakit buah pinggang, kesemuanya adalah faktor risiko yang sama bagi penyakit demensia," katanya lagi.

Beliau seterusnya berkata, sejak penubuhan Persatuan Demensia Brunei (dB), mereka telah berusaha ke arah satu misi, iaitu mewujudkan sebuah Brunei yang mesra demensia.

Dalam hubungan ini tambahnya, dB telah beberapa kali mengendalikan latihan amali bagi para penjaga dan petugas kesihatan, dB juga telah mengadakan pameran dan jerayawara ke sekolah-sekolah, Pusat Kegiatan Warga Emas, pusat-pusat beli-belah dan acara-acara di Bandarku Ceria bagi meningkatkan kesedaran mengenai demensia.

Dr. Hajah Norhayati selanjutnya menjelaskan, dB juga adalah ahli kepada Alzheimer's Disease International, manfaat daripada keahlian ini memberi pendedahan dan peluang kepada maklumat terkini mengenai demensia, latihan-latihan yang berkaitan serta amalan terbaik di peringkat sejagat yang boleh diadaptasi ke dalam konteks tempatan kita.

"Pada tahun ini, dB beruntung

kerana dapat bekerjasama pula dengan 2 buah persatuan belia, iaitu Belia Imtiyaz dan Y-LITE dalam menganjur larian secara maya, Mind Over Miles. Larian ini merupakan kempen kesedaran yang menggalakkan masyarakat Brunei untuk terus aktif secara fizikal sambil menyokong kesihatan otak dan kesedaran tentang demensia.

"Di samping itu, ia juga sebagai satu usaha untuk mengutip dan menambah dana dB. Selain itu, dB juga telah bekerjasama dengan Kumpulan PINGAT dari fakulti perubatan Institut Sains Kesihatan Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolkiah Universiti Brunei Darussalam dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kesedaran tentang demensia," ujarnya lagi.

Jelasnya, penglibatan aktif golongan belia dalam program-program kesedaran, aktiviti sukarelawan dan kempen-kempen seperti berkenaan membuktikan bahawa isu demensia bukanlah menjadi kerisauan generasi warga emas sahaja, tetapi satu tanggungjawab bersama merentasi semua peringkat umur.

Dr. Hajah Norhayati juga menggariskan beberapa saranan antaranya ketahuilah tanda-tanda awal demensia, dan jangan anggap setiap perubahan pada daya ingatan berkenaan sebagai perkara biasa akibat proses penuaan. Ingat demensia bukanlah sebahagian daripada proses penuaan yang normal. Dapatkan maklumat dan bantuan yang bersesuaian daripada profesional kesihatan, Kementerian Kesihatan atau dari dB.

Selain itu, beliau menyarankan dapatkan pemeriksaan lebih awal di pusat-pusat kesihatan yang berdekatan jika terdapat perubahan pada daya ingatan, pemikiran atau tingkah laku yang mula menjejaskan kehidupan seharian. Pengesanan dan diagnosis awal akan dapat membantu dalam mengurus penyakit ini dengan lebih baik.

"Hentikan stigma dan elakkan perkataan, jenaka atau tanggapan yang boleh memalukan, merendahkan atau memulaukan mereka yang hidup dengan



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dayang Hajah Noridah binti Haji Abdul Hamid ketika penyampaian sijil penghargaan kepada salah seorang penaja.

demensia.

"Seterusnya, berikan sokongan dan huluskan bantuan praktikal kepada ahli-ahli keluarga dan penjaga pengidap demensia. Dan jagalah kesihatan otak sepanjang hayat dengan melakukan kegiatan fizikal secara tetap, berhenti merokok atau mengelakkan asap rokok, mengamalkan pemakanan yang sihat dan seimbang, menjalin hubungan sosial yang bermakna, memastikan pembelajaran berterusan, tidur yang mencukupi, serta mengawal tekanan darah tinggi, diabetes dan faktor-faktor risiko kesihatan yang lain," ujarnya lagi.

Larian Virtual Mind Over Miles sejauh 30 kilometer berlangsung dari 15 Julai hingga 30 Ogos 2026, dengan peserta bebas berlari atau berjalan di lokasi pilihan masing-masing sebelum merekodkan jarak menerusi aplikasi penjajak.

Program anjuran Kumpulan Y-LITE Kohort 2026, Jabatan Belia dan Sukan dengan kerjasama dB dan Belia Imtiyaz berkenaan bukan sahaja menjadi wadah meningkatkan kesedaran mengenai demensia, malah menggalakkan gaya hidup aktif serta memperkukuh jaringan sokongan antara komuniti, penjaga dan individu yang hidup dengan demensia.

Hasil kutipan yuran penyertaan dan derma melalui tabung yang

ditempatkan di beberapa lokasi akan disalurkan kepada dB.

Majlis juga menyaksikan pelancaran klip video dB dan seterusnya penyampaian sijil penghargaan kepada para penaja. Majlis turut dimeriahkan dengan sesi senamrobik dan pameran pendidikan mengenai demensia.

Inisiatif berkenaan turut memberi pengalaman langsung kepada Kumpulan Y-LITE dalam aspek kepimpinan, pengurusan program, kerja berpasukan dan komunikasi, sekali gus mencerminkan peranan belia sebagai penggerak kesedaran dan perubahan positif dalam masyarakat.

Program berkenaan diadakan adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai demensia dan kepentingan pengesanan awal, menggalakkan amalan gaya hidup aktif sebagai salah satu langkah mengurangkan faktor risiko demensia, serta memperkukuh jaringan sokongan antara komuniti, penjaga dan individu yang hidup dengan demensia.

Lebih penting, program berkenaan dihasrat bagi memupuk kefahaman, empati dan keprihatinan masyarakat terhadap individu yang hidup dengan demensia, sekali gus menyumbang kepada pembentukan komuniti yang lebih aktif, inklusif, prihatin dan penyayang, selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035.



ROGUE, BDS OWLETTES UNGGULI KEJOHANAN BOLA JARING HARI GURU KE-36



SETIAUSAHA Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang di kejohanan bola jaring tersebut (atas kiri). Pasukan Rogue dan BDS Owlettes masing-masing muncul juara Kategori Terbuka dan Kategori Beginners (atas kanan).

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 27 September. - Pasukan Rogue dan BDS Owlettes masing-masing muncul juara Kategori Terbuka dan Kategori Beginners pada Peringkat Akhir Kejohanan Bola Jaring sempena Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Serbaguna (MPH), Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, hari ini.

Sementara itu, naib juara Kategori Terbuka disandang oleh IPT dan tempat ketiga diraih oleh JPI.

Bagi Kategori Beginners, naib juara dimenangi oleh NBF dan JPI di tempat ketiga.

Kejohanan berkenaan dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum selaku Jawatankuasa Acara-Acara

Sukan bagi Sambutan Hari Guru, dengan kerjasama Persatuan Bola Jaring Brunei Darussalam (BNA).

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Kejohanan tersebut dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kategori Beginners yang disertai empat pasukan dan

Kategori Terbuka yang disertai lapan pasukan.

Penyertaan kejohanan dibuka kepada pegawai dan kakitangan, termasuk tenaga pengajar yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), khususnya dari Jabatan Pengajian Islam, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Kejohanan Bola Jaring

berkenaan merupakan salah satu aktiviti sukan dan riadah yang dianjurkan bagi menyemarakkan dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Guru Ke-36, Tahun 2026.

Antara tujuan kejohanan adalah untuk menggalakkan warga Kementerian Pendidikan dan KHEU agar bergiat aktif serta berdaya saing dalam bidang sukan, di samping memupuk semangat harmoni dan mengeratkan silaturahim dalam kalangan warga kedua-dua kementerian.

Kontinjen NBD ke Sukan Asia Ke-20 selamat pulang ke tanah air

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Awang Haji Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BERAKAS, Sabtu, 26 September. - Kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada Chef de Mission, pegawai urus setia dan pasukan wusyu kembali ke tanah air semalam selepas menyertai temasya Sukan Asia Ke-20 yang berlangsung di Aichi-Nagoya, Jepun.

Hadir di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut kepulangan kontinjen negara ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Sebagai tanda penghargaan atas pencapaian yang diraih, beliau mengalungkan sesandang kepada ahli kontinjen serta menyampaikan ucapan tahniah

atas pencapaian yang diraih.

Selain itu, beliau turut menyampaikan kata-kata motivasi kepada para atlet agar terus berusaha dengan lebih gigih, mengekalkan disiplin serta semangat kesukanan yang tinggi dalam usaha mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Turut hadir, Pengarah Belia dan Sukan, Dayang Hajah Umi Kalthum binti Haji Abdul Karim serta pegawai-pegawai kanan Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Pada temasya sukan tersebut, atlet wusyu negara, Dayang Basma Lachkar, berjaya menyumbangkan satu pingat gangsa menerusi acara Combined Event Taijiquan dan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman hadir di Ruang Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut kepulangan kontinjen negara yang telah kembali ke tanah air selepas menyertai temasya Sukan Asia Ke-20 di Aichi-Nagoya, Jepun.

Taijijian yang berlangsung di Aichi Prefectural Martial Arts Hall.

Kejayaan tersebut sekali gus mengukuhkan prestasi konsisten yang dipamerkan oleh Dayang

Basma Lachkar di pentas antarabangsa, khususnya dalam penyertaan beliau pada edisi Sukan Asia kali ini.

Pencapaian berkenaan

mencerminkan komitmen dan dedikasi atlet negara dalam mengharumkan nama NBD di arena sukan serantau dan antarabangsa.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

SABAR, REDA, TAWAKAL KETIKA MENGHADAPI UJIAN